



**HOSPITAL KUALA
KUBU BHARU**

LAPORAN TAHUNAN 2024

**MENCERMINKAN
KEMAJUAN, MENGINSPIRASI
MASA DEPAN**

**TERBITAN
UNIT KUALITI**



ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN PENGARAH	06
KATA ALUAN KETUA PASUKAN EDITORIAL	07
PASUKAN EDITORIAL	08
CARTA ORGANISASI	09
PROFIL CORPORAT	10
STATISTIK	12
BAHAGIAN BUKAN KLINIKAL	18
• Unit Pengurusan	19
• Unit Kewangan dan Hasil	30
• Unit Teknologi dan Maklumat	34
• Unit Kejuruteraan	35
• Unit Kualiti	41

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN KLINIKAL	44
• Unit Penyeliaan	45
• Unit Kecemasan dan Trauma	50
• Unit Angkut	55
• Unit Pesakit luar	59
1.Klinik Pakar	60
2.Klinik Tibi	64
3. Klinik NCD	68
• Unit Kejururawatan	71
• Unit Pesakit Dalam	74
• Unit Kawalan Infeksi	79
• Unit Kluster	84

ISI KANDUNGAN

• Unit Pengurusan Katil	85
• Unit Penjagaan Luka	86
• Unit Forensik	87
• Unit Hemodialisis	89
• Unit Perubatan Am	92
• Unit Multidisiplin	93
• Unit Bekalan Steril (CSSU)	94
BAHAGIAN SOKONGAN KLINIKAL	97
• Unit Farmasi	98
• Unit Radiologi	104
• Unit Patologi dan Transfusi Darah	109
• Unit Optometri	113

ISI KANDUNGAN

• Unit Fisioterapi	116
• Unit Terapi Cara Kerja	120
• Unit Rekod Perubatan	124
• Unit Kerja Sosial Perubatan	127
• Unit Dietetik dan Sajian	131
• Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	135
• PENGHARGAAN	140

KATA ALUAN PENGARAH



ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

Saya dengan rasa syukur dan bangga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyokong Hospital Kuala Kubu Bharu dalam mencapai kejayaan pensijilan Hospital Rakan Bayi bagi tempoh 8 Mac 2024 sehingga 7 Mac 2027. Pensijilan ini merupakan pengiktirafan terhadap usaha gigih warga hospital dalam mempromosikan penjagaan ibu dan bayi yang berkualiti, selari dengan aspirasi Kementerian Kesihatan Malaysia.

Hospital ini turut berbangga dengan kehadiran residen Pakar Perubatan am yang akan mula bertugas pada Januari 2024 serta residen pakar kecemasan pada Jun 2024. Kehadiran mereka diharapkan dapat meningkatkan keupayaan hospital dalam menyediakan perkhidmatan rawatan yang lebih komprehensif kepada masyarakat setempat. Tambahan pula, perkhidmatan Telinga, Hidung, dan Tekak (ENT) kini telah diperkenalkan di Klinik Pakar, memberikan pilihan rawatan kepada pesakit. Selain itu, pihak hospital juga telah memperluaskan kawasan parkir kenderaan untuk pesakit bagi menampung bilangan pesakit dan keluarga yang semakin meningkat.

Akhir kata, projek menaik taraf bangunan Unit Kecemasan dan Trauma serta Farmasi yang sedang dilaksanakan merupakan bukti komitmen kami untuk memastikan perkhidmatan hospital terus relevan dan efisien. Saya percaya, dengan sokongan semua pihak, Hospital Kuala Kubu Bharu akan terus mencerminkan kemajuan dan menginspirasi masa depan dalam sektor kesihatan.

Sekian, terima kasih.

Pengarah Hospital Kuala Kubu Bharu

KATA ALUAN KETUA PASUKAN EDITORIAL

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

Dengan rasa syukur dan penuh penghargaan, kami Pasukan Editorial dengan sukacitanya mempersembahkan Laporan Tahunan Hospital Kuala Kubu Bharu 2024. Laporan ini merupakan cerminan usaha kolektif, dedikasi, dan komitmen seluruh warga hospital dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada masyarakat.

Tahun 2024 telah mencatatkan pelbagai pencapaian penting buat hospital ini. Antara momen bermakna ialah kunjungan Yang Berhormat Menteri Kesihatan ke hospital kami untuk meninjau suasana dan perkembangan terkini perkhidmatan kesihatan yang disediakan. Lawatan ini menjadi pengiktirafan terhadap usaha kami dalam mempertingkatkan fasiliti dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pesakit. Selain itu, pencapaian seperti pensijilan Hospital Rakan Bayi, penambahan perkhidmatan Telinga, Hidung, dan Tekak (ENT) di Klinik Pakar, serta kehadiran residen pakar dalam bidang perubatan am dan kecemasan telah meningkatkan lagi mutu perkhidmatan hospital.

Tambahan pula, projek menaik taraf infrastruktur seperti Unit Kecemasan dan Trauma serta Farmasi, dan penambahan parkir kenderaan bagi keselesaan pesakit serta keluarga turut menjadi keutamaan. Laporan ini dihasilkan bagi meraikan pencapaian, menggariskan cabaran, serta memacu inspirasi untuk hospital terus memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada komuniti.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan ini, dan semoga laporan ini menjadi panduan ke arah kecemerlangan yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

Pasukan Editorial Laporan Tahunan Hospital 2024

PASUKAN EDITORIAL

DR LYDIA POK

KETUA PASUKAN EDITORIAL

PENYELARAS UNIT KUALITI
HOSPITAL KUALA KUBU BHARU



DR NUR AFIQAH NABILAH BINTI NAFI

PENYUNTING GRAFIK
PEGAWAI PERUBATAN MULTIDISPLIN
HOSPITAL KUALA KUBU BHARU



PROFIL KORPORAT

Hospital Kuala Kubu Bharu (HKKB) terletak di Hulu Selangor, meliputi kawasan 1,749 km² dengan populasi lebih 240,500 orang. Sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan utama, hospital ini menerima kes rujukan dari klinik sekitar dan merujuk kes yang memerlukan rawatan lanjut ke Hospital Selayang. Dengan 120 katil dan pelbagai perkhidmatan moden seperti Unit Pesakit Luar, Unit Kecemasan, dan klinik pakar, HKKB komited memenuhi keperluan komuniti dengan profesionalisme.

HKKB juga memperkukuh pembangunan sumber manusia melalui kemudahan latihan dan sokongan program hospital kluster sejak 2018, dengan Hospital Selayang sebagai peneraju utama. Kolaborasi ini meningkatkan perkhidmatan Pakar Melawat, memastikan akses rawatan berkualiti kepada masyarakat setempat. Selain itu, HKKB turut menjadi pusat pembelajaran bagi pelajar institusi pengajian, mencerminkan misinya sebagai institusi kesihatan yang inovatif dan menyeluruh.

VISI

Ke arah masyarakat sihat melalui sistem perkhidmatan rawatan perubatan yang cekap, prihatin, mesra, berkesan, seimbang dan mampu dinikmati oleh semua peringkat masyarakat.

MISI

Menggalakkan dan meningkatkan taraf kesihatan masyarakat Daerah Hulu Selangor melalui perkhidmatan rawatan pesakit yang adil dan saksama, mampu diperolehi, efesyen, menggunakan teknologi yang bersesuaian dan berupaya berubah mengikut masa dan persekitaran serta mesra pelanggan.

OBJEKTIF



Sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Hospital Kuala Kubu Bharu mempunyai objektif-objektif seperti:-

- menyediakan perkhidmatan pengesahan, perawatan dan pemulihan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan untuk menyelamatkan nyawa dan komplikasi kesihatan bagi mencapai pemulihan yang awal dan maksima.
- memperbaiki dan meningkatkan taraf kesihatan rakyat dan memberikan perkhidmatan perawatan, pencegahan dan pemulihan yang berkesan.
- menyediakan latihan yang mencukupi dan bermutu tinggi bagi memenuhi keperluan dan tenaga profesional semasa akan datang bagi program perawatan.


MATLAMAT




Menyediakan perkhidmatan klinikal yang terbaik, cekap, dan saksama kepada semua lapisan masyarakat dengan mengoptimumkan teknologi maklumat, peralatan perubatan terkini, kemudahan bangunan, serta prasarana yang memenuhi keperluan pelanggan dan persekitaran. Penekanan diberikan kepada kualiti, inovasi, promosi kesihatan, penghormatan terhadap maruah individu, serta galakan tanggungjawab peribadi dan penyertaan komuniti dalam usaha mencapai Wawasan Malaysia sebagai sebuah negara dengan rakyat, keluarga, dan masyarakat yang sihat.

STATISTIK


JUMLAH PELAPORAN INSIDEN DARI TAHUN 2019-2024




PUNCA INSIDEN DARI TAHUN 2019-2024



PERKHIDMATAN PESAKIT DALAM DAN PESAKIT LUAR DARI TAHUN 2019-2024




**PERATUSAN INSIDEN/KEMALANGAN SEMASA
HOSPITALISASI PESAKIT DARI TAHUN 2019-2024
SASARAN: TREND MENURUN**



**PERATUSAN MESYUARAT MORBIDITI DAN MORTALITI YANG
DIJALANKAN DI PERINGKAT HOSPITAL DENGAN
DOKUMENTASI KES YANG DIBINCANGKAN
DARI TAHUN 2019-2024
HOSPITAL NEGERI & PAKAR: 12 KALI/SETAHUN
HOSPITAL LAIN: 6 KALI/SETAHUN
SASARAN: $\geq 80\%$**



KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN MENGGUNAKAN PSQ-18 TAHUN 2023-2024 (%)



PARAMETER 1	KEPUASAN KESELURUHAN
PARAMETER 2	KUALITI TEKNIKAL
PARAMETER 3	SIKAP PEGAWAI
PARAMETER 4	KOMUNIKASI
PARAMETER 5	ASPEK KEWANGAN
PARAMETER 6	MASA BERSAMA PEGAWAI
PARAMETER 7	KEMUDAHAN DAN KEBOLEHCAPAIAN

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU 2024

Pada tahun 2024, jumlah pelaporan insiden di Hospital Kuala Kubu Bharu menunjukkan peningkatan yang ketara dengan 139 laporan berbanding 107 pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, 113 kes adalah kategori near miss manakala 26 kes merupakan kejadian sebenar (actual). Peningkatan bilangan laporan ini sejajar dengan hala tuju berterusan daripada Majlis Keselamatan Pesakit KKM yang menggalakkan pelaporan semua insiden, termasuk near miss, bagi meningkatkan tahap keselamatan pesakit dan kualiti perkhidmatan. Peningkatan ini turut mencerminkan tahap kesedaran yang lebih tinggi di kalangan anggota hospital serta keberkesanan sistem pelaporan yang semakin mantap.

Dari segi punca insiden, analisis menunjukkan bahawa kesilapan pengubatan kekal sebagai faktor utama dengan 86.9%, diikuti oleh jatuh (5.5%), pre-hospital care (0.69%), dan kesilapan klinikal (6.89%). Pola ini menekankan keperluan hospital untuk terus memperkukuhkan kawalan keselamatan pengubatan, terutamanya dengan pengintegrasian sistem *Medical Programme Information System* (MPIS) yang dapat mengurangkan risiko kesilapan pemberian ubat.

Walaupun peningkatan pelaporan *near miss* adalah positif sebagai indikator budaya keselamatan yang semakin matang, trend kenaikan jumlah keseluruhan insiden dan kejadian sebenar menunjukkan perlunya intervensi pencegahan yang lebih komprehensif. Antaranya termasuk latihan keselamatan berterusan, audit kepatuhan, pengawasan intensif terhadap pesakit berisiko tinggi, serta pengukuhan program kesedaran di kalangan staf klinikal dan bukan klinikal.

Secara keseluruhan, tahap kepuasan pelanggan menunjukkan peningkatan pada tahun 2024 berbanding 2023 bagi hampir semua parameter, walaupun terdapat sedikit perbezaan antara aspek yang diukur. Parameter Sikap Pegawai (Parameter 3), Komunikasi (Parameter 4) dan Aspek Kewangan (Parameter 5) mencatatkan peratusan paling tinggi pada 2024, iaitu melebihi 80%, menunjukkan pelanggan lebih berpuas hati dengan interaksi dan urusan kewangan berbanding aspek lain.

Walaupun bagaimanapun, Masa Bersama Pegawai (Parameter 6) masih merupakan aspek yang agak rendah, walaupun meningkat daripada 2023 (sekitar 72.44% pada 2024). Hal ini mencerminkan pelanggan berpendapat tempoh konsultasi atau masa bersama pegawai perubatan masih belum mencukupi. Selain itu, Kemudahan dan Kebolehcapaiannya (Parameter 7) juga sederhana dengan pencapaian sekitar 71.28% pada 2024, menunjukkan keperluan penambahbaikan dari segi akses, fasiliti dan sokongan logistik.

Dalam tahun pelaporan ini, Hospital Kuala Kubu Bharu telah melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan berasaskan dapatan Kajian Kepuasan Pelanggan PSQ-18. Bagi aspek masa bersama pegawai, penstrukturan semula sistem temujanji dan jadual konsultasi telah dilaksanakan bagi mengurangkan masa menunggu pesakit, manakala risalah maklumat serta kod QR digital diperkenalkan untuk memastikan pesakit menerima penerangan yang lengkap secara lebih sistematik. Dari segi kemudahan dan kebolehcapaiannya, hospital telah menambah baik fasiliti utama termasuk ruang menunggu, tandas, kawasan parkir serta kemudahan mesra OKU, di samping memperkuat sistem penunjuk arah melalui papan tanda yang lebih jelas dan mesra pengguna. Selain itu, mekanisme maklum balas pelanggan telah diintegrasikan dalam mesyuarat kualiti secara berkala untuk memastikan isu yang dibangkitkan ditangani dengan pantas, manakala latihan perkhidmatan pelanggan dijalankan secara berterusan diharap meningkatkan tahap komunikasi dan profesionalisme staf. Keseluruhan usaha ini telah membuahkan hasil positif dengan mengekalkan skor tinggi dalam aspek sikap pegawai, komunikasi dan pengurusan kewangan, di samping memperlihatkan peningkatan ketara terhadap tahap kepuasan keseluruhan pelanggan hospital.

2024

BAHAGIAN BUKAN KLINIKAL

UNIT PENGURUSAN

PENGENALAN

Unit Pengurusan dan Pentadbiran merupakan tulang belakang kepada kelancaran operasi Hospital Kuala Kubu Bharu. Unit ini memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan perkhidmatan sokongan pengurusan berjalan lancar di setiap unit hospital, melalui penyelarasan, pemantauan, dan pengoptimuman sumber manusia, kewangan, peralatan serta kemudahan sedia ada.


Tumpuan utama unit ini adalah untuk memastikan setiap sumber dimanfaatkan secara efisien dan efektif bagi menyokong keperluan operasi harian hospital. Ia terdiri daripada beberapa sub-unit yang memberi fokus kepada pelbagai aspek pengurusan, di mana setiap satu memainkan peranan signifikan dalam memperkukuh misi hospital untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Dengan komitmen yang berterusan terhadap tadbir urus yang cemerlang, Unit Pengurusan dan Pentadbiran terus menjadi asas kepada kejayaan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan di Hospital Kuala Kubu Bharu.

PERKHIDMATAN			
PENGURUSAN MAJLIS	PENGURUSAN PERHUBUNGAN PELANGGAN	PENGURUSAN FAIL	PENGURUSAN STOR DAN BEKALAN ALAT TULIS
PENGURUSAN AM PEJABAT	PENGURUSAN PERHIMPUNAN BULANAN	PENGURUSAN PERUMAHAN KUARTERS DAN ASRAMA	PENGURUSAN AHLI LEMBAGA PELAWAT
PENGURUSAN ADUAN AWAM	PENGURUSAN SURAT KERAJAAN	PENGURUSAN MAJLIS BERSAMA JABATAN	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN


JUMLAH ADUAN AWAM SISPAABAGI TAHUN 2020-2024



Antara tahun 2020 hingga 2024, jumlah aduan yang diterima menunjukkan corak yang berubah-ubah, dengan jumlah terendah pada tahun 2021 (11 aduan) dan jumlah tertinggi pada tahun 2022 (43 aduan), sebelum menurun sedikit pada tahun-tahun berikutnya. Walaupun berlaku variasi ini, hospital berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dengan menyelesaikan semua aduan dalam tempoh 15 hari bekerja, iaitu kadar penyelesaian 100% setiap tahun. Pencapaian ini mencerminkan sistem pengurusan aduan yang cekap dan responsif, memastikan tiada aduan yang tertunggak walaupun jumlah aduan meningkat. Peningkatan ketara pada tahun 2022 mungkin menunjukkan tahap kesedaran awam yang lebih tinggi terhadap saluran aduan atau wujudnya isu kualiti perkhidmatan tertentu, namun keupayaan hospital untuk menyelesaikan semua kes dalam tempoh ditetapkan membuktikan keberkesanan operasi dan komitmen terhadap kepuasan pesakit.

Secara keseluruhannya, walaupun prestasi ini sangat membanggakan, analisis lanjut terhadap punca utama peningkatan aduan—terutamanya pada tahun 2022—amat wajar dilakukan bagi membolehkan langkah penambahbaikan proaktif diambil dan kualiti perkhidmatan dapat ditingkatkan secara berterusan.

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN TAHUN 2019-2024



Berdasarkan dapatan kajian kepuasan pelanggan bagi tempoh 2019–2024, prestasi menunjukkan trend yang positif walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun tertentu. Pada tahun 2020, tahap kepuasan pelanggan adalah tinggi (90%), namun menurun ketara pada tahun 2021 kepada 79%, yang mungkin mencerminkan cabaran perkhidmatan atau faktor luaran seperti pandemik. Walau bagaimanapun, bermula tahun 2022 prestasi meningkat semula secara konsisten, iaitu 93% pada 2022, 96% pada 2023 dan mencapai tahap tertinggi 98% pada 2024. Corak ini menunjukkan adanya intervensi pengurusan yang berkesan dalam memperbaiki kualiti perkhidmatan dan pengalaman pelanggan selepas tahun 2021.

Secara analitikal, dapatan ini memberi gambaran bahawa pihak hospital atau organisasi berjaya melaksanakan langkah penambahbaikan berterusan yang bukan sahaja mengembalikan tahap kepuasan pelanggan, malah meningkatkannya ke paras hampir maksimum. Dari sudut pengurusan, pencapaian ini membuktikan keberkesanan strategi kawalan kualiti, pemantauan berstruktur, serta komitmen staf dalam memberi perkhidmatan mesra pelanggan. Walau bagaimanapun, penurunan pada 2021 wajar dijadikan pengajaran untuk mengenal pasti faktor penyumbang agar kelemahan tersebut tidak berulang pada masa hadapan.

Keseluruhannya, data menunjukkan budaya penambahbaikan berterusan telah menghasilkan peningkatan yang berterusan dalam kepuasan pelanggan, sekali gus meningkatkan imej organisasi dan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan.


JUMLAH PERJAWATAN TAHUN 2020-2024

TAHUN	JAWATAN YANG ADA	JAWATAN YANG DIISI	PERATUSAN YANG DIISI
2020	389	356	91.52%
2021	389	343	88.17%
2022	393	348	88.54%
2023	395	356	90.13%
2024	399	367	91.98


Berdasarkan analisis jumlah perjawatan dari tahun 2020 hingga 2024, dapat dilihat bahawa bilangan jawatan yang ada meningkat secara beransur-ansur daripada 389 jawatan pada tahun 2020 kepada 399 jawatan pada tahun 2024, selaras dengan keperluan organisasi yang semakin berkembang. Dari segi pengisian jawatan, terdapat sedikit turun naik di mana tahun 2021 mencatatkan kadar pengisian terendah sebanyak 88.17% (343 jawatan diisi), kemungkinan akibat kekangan pengambilan atau faktor luaran seperti pandemik. Walau bagaimanapun, keadaan kembali stabil pada tahun 2022 dengan kadar pengisian 88.54% dan meningkat kepada 90.13% pada tahun 2023. Pencapaian terbaik direkodkan pada tahun 2024 dengan 367 jawatan diisi, iaitu 91.98% daripada jumlah jawatan yang ada.

Secara keseluruhan, trend ini menunjukkan usaha berterusan dalam memastikan kekosongan jawatan diisi dengan lebih baik, yang sekali gus meningkatkan kapasiti tenaga kerja dan menyokong keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

**BILANGAN PESAKIT YANG MEMINTA DICAJ ATAS RISIKO
SENDIRI (DAMA) TAHUN 2023
2.96% (JUMLAH DISCAJ 4,798)**



**BILANGAN PESAKIT YANG MEMINTA DICAJ ATAS RISIKO
SENDIRI (DAMA) TAHUN 2024
2.53% (JUMLAH DISCAJ 6,122)**



Analisis bilangan pesakit yang meminta discaj atas risiko sendiri (DAMA) menunjukkan penurunan kadar daripada 2.96% pada tahun 2023 (jumlah discaj 4,798) kepada 2.53% pada tahun 2024 (jumlah discaj 6,122).

Walaupun terdapat fluktuasi bulanan dengan peningkatan ketara pada April dan November 2024, kadar keseluruhan masih menunjukkan trend menurun berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini mencerminkan peningkatan kualiti perkhidmatan hospital, terutamanya dengan adanya kepakaran yang lebih konsisten, komunikasi yang lebih berkesan antara pegawai perubatan dan pesakit, serta penambahbaikan kemudahan dan sistem sokongan.

Kehadiran pakar membantu meyakinkan pesakit untuk meneruskan rawatan, sekali gus mengurangkan kecenderungan mereka meninggalkan hospital sebelum rawatan selesai. Dapatan ini menunjukkan keberkesanan usaha hospital dalam meningkatkan kepuasan dan keyakinan pesakit, serta perlunya diteruskan inisiatif seperti pengukuhan perkhidmatan kepakaran, kaunseling risiko yang lebih berkesan, dan pemantauan punca utama DAMA mengikut disiplin perubatan.

AKTIVITI UNIT

LAWATAN YB MENTERI KESIHATAN KE HOSPITAL KUALA KUBU BHARU, PEJABAT KESIHATAN DAERAH HULU SELANGOR & PEJABAT PERGIGIAN DAERAH HULU SELANGOR

Pada 26 April 2024, YB Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Kuala Kubu Bharu, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor, dan Pejabat Pergigian Daerah Hulu Selangor. Lawatan yang berlangsung di Bilik Gerakan HKKB serta Bilik Mesyuarat PKD Hulu Selangor ini bertujuan menilai tahap penyampaian perkhidmatan kesihatan, meninjau fasiliti hospital dan operasi di peringkat daerah, serta berinteraksi dengan warga kerja kesihatan. Lawatan rasmi ini telah memberikan maklum balas yang bermakna, mengukuhkan kerjasama antara hospital dan pejabat kesihatan daerah, serta menzahirkan komitmen Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan bagi komuniti Hulu Selangor.



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU 2024

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2024 Hospital Kuala Kubu Bharu telah diadakan pada 3 Mei 2024 (Jumaat) bertempat di perkarangan Kuarters Hospital Kuala Kubu Bharu. Majlis ini berlangsung dalam suasana meriah dan penuh ukhuwah, melibatkan warga hospital serta ahli keluarga masing-masing. Pelbagai juadah raya disediakan, disertai dengan aktiviti santai dan sesi ramah mesra yang mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan. Program ini bukan sahaja meraikan sambutan Aidilfitri, tetapi juga berfungsi sebagai platform memperkukuh semangat kebersamaan, kerjasama dan kekeluargaan dalam kalangan warga Hospital Kuala Kubu Bharu.



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU 2024

Naziran Pengurusan Perolehan, Aset dan Stor JKNS di Hospital Kuala Kubu Bharu telah diadakan pada 31 Julai 2024 (Rabu) bertempat di Bilik Gerakan Hospital Kuala Kubu Bharu. Sesi naziran ini dilaksanakan bagi menilai tahap pematuhan hospital terhadap tatacara perolehan, pengurusan aset serta pengurusan stor selaras dengan garis panduan dan peraturan kewangan KKM. Pemeriksaan meliputi aspek dokumentasi, kawalan rekod, penyelenggaraan aset, serta pengurusan stok ubat-ubatan dan peralatan. Hasil naziran mendapati beberapa amalan baik telah berjaya dikekalkan, di samping penemuan beberapa aspek yang memerlukan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan tadbir urus aset dan stor.

Secara keseluruhannya, naziran ini memberi peluang kepada pihak hospital untuk memperkukuh sistem pengurusan, meningkatkan akauntabiliti serta memastikan keberkesanan penggunaan sumber secara optimum.



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU 2024

Hari Bersama Pelanggan Tahun 2024 Hospital Kuala Kubu Bharu, anjuran bersama Ahli Lembaga Pelawat Hospital, telah diadakan pada 20 Ogos 2024 (Selasa) bertempat di perkarangan parkir hospital. Program ini bertujuan memperkukuh hubungan antara pihak hospital dengan pelanggan melalui sesi libat urus, perkongsian maklumat serta aktiviti interaktif yang melibatkan pelbagai unit perkhidmatan. Pelbagai kaunter penerangan kesihatan, pemeriksaan asas, dan pameran perkhidmatan hospital turut disediakan untuk memberi manfaat terus kepada pengunjung. Sambutan ini berjalan dengan meriah serta mendapat sambutan positif daripada pelanggan, sekali gus mencerminkan komitmen hospital dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, keterlibatan komuniti, dan kepuasan pelanggan secara menyeluruh.



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU 2024

Majlis Persaraan Sekalung Budi, Sejambak Kasih Tahun 2024 telah diadakan pada 13 Ogos 2024 (Selasa) bertempat di Rumah Bonda, Batang Kali. Majlis ini berlangsung dalam suasana penuh penghargaan bagi meraikan jasa dan sumbangan warga kerja yang bersara setelah menabur bakti di Hospital Kuala Kubu Bharu. Pelbagai ucapan, penyampaian cenderamata serta sesi ramah mesra diadakan sebagai tanda penghormatan dan terima kasih atas dedikasi mereka. Program ini bukan sahaja menjadi wadah menghargai pengorbanan pesara, malah mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga hospital dalam semangat kekeluargaan dan kebersamaan.




UNIT KEWANGAN DAN HASIL

PENGENALAN

Unit Kewangan dan Hasil Hospital adalah bahagian penting dalam pengurusan operasi hospital yang bertanggungjawab memastikan kestabilan kewangan serta kecekapan dalam pengurusan hasil dan perbelanjaan. Unit ini memainkan peranan strategik dalam menyokong keberlanjutan operasi hospital dengan memastikan sumber kewangan diuruskan secara teliti dan berintegriti.

Selain memastikan pembayaran dan pungutan hasil dilakukan dengan lancar, unit ini juga terlibat dalam perancangan kewangan jangka panjang untuk menyokong peningkatan perkhidmatan kesihatan.




PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

PERUNTUKAN MENGURUS DAN PERBELANJAAN MENGURUS DARI TAHUN 2019-2024



PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DARI TAHUN 2019-2024




Penambahbaikan yang telah diambil sepanjang tempoh 2019 hingga 2024 melibatkan beberapa aspek utama dalam pengurusan kewangan dan pembangunan hospital. Dari sudut perbelanjaan mengurus, kawalan bajet diperkukuhkan melalui pemantauan berjadual dan penggunaan sistem perolehan yang lebih telus bagi memastikan setiap perbelanjaan menepati peraturan kewangan serta keperluan semasa.

Bagi perbelanjaan pembangunan pula, keutamaan telah diberikan kepada projek yang berimpak tinggi seperti penambahbaikan infrastruktur kritikal, penyelenggaraan fasiliti serta penyediaan kemudahan sokongan yang meningkatkan kecekapan operasi hospital. Di samping itu, pendekatan *value for money* telah diterapkan bagi memastikan dana pembangunan yang diterima, walaupun bersifat fluktuatif, digunakan secara optimum.

Hospital juga telah memperkukuh proses perancangan dan semakan projek pembangunan dengan melibatkan kepakaran teknikal serta pihak berkepentingan, sekali gus meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan hasil projek. Penambahbaikan ini secara keseluruhan membolehkan pengurusan kewangan hospital berada pada tahap yang lebih efisien, telus, dan berorientasikan hasil.

KUTIPAN HASIL DARI TAHUN 2019-2024



Analisis kutipan hasil dari tahun 2019 hingga 2024 menunjukkan trend yang positif dengan peningkatan berterusan selepas penurunan pada tahun 2020. Pada tahun 2019, jumlah kutipan hasil adalah RM588,267.00, namun ia menurun kepada RM466,898.68 pada tahun 2020, kemungkinan besar dipengaruhi oleh faktor luaran seperti pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada operasi dan kutipan hasil hospital. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2021 kutipan kembali meningkat secara konsisten daripada RM490,246.61 kepada RM506,265.39 pada 2022, seterusnya RM520,332.92 pada 2023. Peningkatan yang lebih ketara dapat dilihat pada tahun 2024 dengan kutipan mencecah RM617,191.04, iaitu yang tertinggi dalam tempoh enam tahun. Trend ini mencerminkan keberkesanan langkah pemulihan pasca-pandemik, peningkatan kecekapan sistem kutipan, serta pengurusan kewangan yang lebih baik. Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa hospital berjaya menstabilkan kembali sumber hasil selepas tempoh cabaran dan terus meningkatkan prestasi kewangan ke tahap yang lebih kukuh.

UNIT TEKNOLOGI DAN MAKLUMAT

PENGENALAN


Unit Teknologi Maklumat (UTM) memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kelancaran operasi Hospital Kuala Kubu Bharu serta memperkukuh penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Sebagai tulang belakang kepada transformasi digital hospital, unit ini bertanggungjawab dalam mengawal selia aliran maklumat, menjamin keselamatan data, serta melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap sistem teknologi maklumat. Pada tahun ini, fokus utama adalah pelaksanaan *Malaysian Programme Information System* (MPIS) yang telah diperluas ke kebanyakan unit hospital. Pelaksanaan ini bukan sahaja membantu meningkatkan kecekapan kerja harian, tetapi juga menyokong matlamat hospital dalam menyediakan perkhidmatan lebih efektif dan bersepadu melalui persekitaran teknologi yang kukuh untuk penjagaan pesakit dan pertumbuhan organisasi.

UNIT KEJURUTERAAN

PENGENALAN


Unit Kejuruteraan Hospital adalah salah satu komponen sokongan kritikal dalam memastikan infrastruktur, peralatan, dan fasiliti hospital berfungsi dengan optimum. Unit ini bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan teknikal, penyelenggaraan, dan pengurusan aset bagi menyokong operasi hospital yang lancar dan selamat.

Unit Kejuruteraan memastikan setiap sistem dan peralatan, termasuk sistem elektrik, paip, HVAC (pemanasan, pengudaraan, dan penyaman udara), serta peralatan perubatan, beroperasi dengan cekap dan sesuai dengan keperluan perubatan.




PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

**PERATUSAN PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN
(*PLANNED PREVENTIVE MAINTENANCE*)
YANG DIRANCANG DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL
UNTUK *FACILITY ENGINEERING MANAGEMENT*
SYSTEM(FEMS) TAHUN 2019-2024
SASARAN: 98%**



**PERATUSAN PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN
(*PLANNED PREVENTIVE MAINTENANCE*)
YANG DIRANCANG DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL
UNTUK *BIOMEDICAL ENGINEERING MANAGEMENT*
SYSTEM(BEMS)
TAHUN 2019-2024
SASARAN: 98%**



PERATUSAN SISTEM/PERKHIDMATAN UPTIME
TAHUN 2019-2024
SASARAN: 92%




PERATUSAN KEKURANGAN PEMBEKALAN LINEN (*SHORTFALL*)
TAHUN 2022-2024
SASARAN 2%




Berdasarkan analisis pencapaian perkhidmatan bagi tempoh 2019–2024, dapat dilihat bahawa peratusan penyelenggaraan pencegahan (*Planned Preventive Maintenance*) bagi sistem FEMS dan BEMS secara konsisten melebihi sasaran 98%. FEMS menunjukkan prestasi hampir sempurna (99.9–100%), manakala BEMS sedikit menurun pada tahun 2024 (98.97%) tetapi masih melebihi sasaran yang ditetapkan. Peratusan *uptime* sistem/peralatan juga berada pada tahap yang sangat tinggi (99.10–99.97%), jauh melepasi sasaran 92%, yang menunjukkan keberkesanan pengurusan operasi dan penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit cabaran pada aspek pembekalan linen, di mana walaupun kadar *shortfall* adalah rendah (0.002% pada 2022 dan 0.026% pada 2024), ia tetap memerlukan perhatian kerana peningkatan ini boleh memberi kesan kepada kesinambungan perkhidmatan klinikal jika tidak dikawal.

Sebagai langkah penambahbaikan, pemantauan berterusan dilaksanakan khususnya pada aspek pengurusan linen untuk memastikan bekalan stabil dan tidak berlaku *shortfall* berulang. Selain itu, strategi pengukuhan inventori, kolaborasi dengan pembekal alternatif, serta pelaksanaan sistem amaran awal (*early warning system*) boleh membantu mengurangkan risiko kekurangan bekalan. Bagi BEMS, walaupun pencapaian masih dalam sasaran, perlu dilakukan audit dalaman berkala untuk mengenal pasti punca penurunan kecil pada tahun 2024 dan memastikan ia tidak berulang. Secara keseluruhan, pencapaian ini membuktikan keberkesanan sistem penyelenggaraan dan operasi sedia ada, namun penekanan kepada aspek sokongan logistik seperti linen amat penting untuk mengekalkan perkhidmatan hospital yang cemerlang dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.


**TREND SKOR PRESTASI SEMASA PEMERIKSAAN
DALAMAN/PEMERIKSAAN BERSAMA
SASARAN: SEKURANG-KURANGNYA 80% DENGAN SKOR 3**



**KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN DALAMAN BAGI
PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (PSH) TAHUN 2022-
2024
COMPANY PERFORMANCE ASSESSMENT (CPA)
SASARAN: 80%**



**KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN DALAMAN BAGI
PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (PSH) TAHUN
2022-2024
CUSTOMER FEEDBACK SERVICE (CFS)
SASARAN: 80%**



PENCAPAIAN HPIA/KPI

**PERATUSAN PEMERIKSAAN BILIK LOJI KEJURUTERAAN KEMUDAHAN
(*ENGINEERING PLANT ROOM*) (EPR) DENGAN PENGHANTARAN
LAPORAN YANG DILAKUKAN OLEH KAKITANGAN UNIT
KEJURUTERAAN PADA TAHUN YANG BERKENAAN DARI TAHUN 2022-
2024**



UNIT KUALITI


PENGENALAN

Unit Kualiti Hospital Kuala Kubu Bharu memainkan peranan penting dalam memastikan standard perkhidmatan hospital sentiasa berada pada tahap yang tertinggi. Unit ini bertanggungjawab dalam mengawasi, menilai, dan memperbaiki pelbagai aspek perkhidmatan kesihatan, termasuk keselamatan pesakit, keberkesanan rawatan, dan kepuasan pelanggan. Melalui pemantauan berterusan dan pelaksanaan sistem audit kualiti, unit ini memastikan setiap prosedur dan amalan klinikal mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta standard antarabangsa.

Selain itu, Unit Kualiti turut berperanan sebagai penggerak utama dalam memupuk budaya penambahbaikan berterusan dalam kalangan kakitangan hospital. Dengan menganjurkan latihan, bengkel, dan sesi perkongsian ilmu, unit ini menyokong usaha untuk meningkatkan kecekapan dan profesionalisme tenaga kerja hospital. Melalui pendekatan ini, Unit Kualiti Hospital Kuala Kubu Bharu tidak hanya memastikan mutu perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk pesakit, tetapi juga berusaha untuk mengekalkan reputasi hospital sebagai institusi kesihatan yang dipercayai di daerah Hulu Selangor.

PERKHIDMATAN			
MENYELARASKAN PELAPORAN INSIDEN	MENYELARASKAN MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS	MENYELARASKAN <i>ACCREDITATION</i> <i>SURVEY</i>	MENYELARASKAN PELAKSANAAN HOSPITAL PERFORMANCE SPECIFIC INDICATORS (HPIA) DAN KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)
MENYELARASKAN ADUAN MEDIKO- LEGAL	PROGRAM BEBAS KESAKITAN	CREDENTIALING DAN PRIVILEGING	PELAN TINDAKAN HOSPITAL
PENGURUSAN RISIKO	POLISI HOSPITAL	LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL	HOSPITAL MESRA IBADAH
INOVASI, QUALITY ASSURANCE DAN KLINIKAL AUDIT			

AUDIT KEAKURAN HOSPITAL PERFORMANCE INDICATOR APPROACH (HPIA) DARI TAHUN 2019-2024



Berdasarkan graf Audit Keakuratan Hospital Performance Indicator Approach (HPIA) bagi tahun 2019 hingga 2024, dapat diperhatikan bahawa pencapaian audit berada pada tahap yang konsisten tinggi, dengan julat antara 93% hingga 100%. Pada tahun 2019, peratusan bermula pada 94% dan meningkat kepada 97% pada tahun 2020. Walaupun terdapat sedikit penurunan kepada 95% pada tahun 2021, prestasi melonjak kepada tahap tertinggi iaitu 100% pada tahun 2022. Namun begitu, berlaku penurunan semula kepada 93% pada tahun 2023, sebelum meningkat kembali kepada 97% pada tahun 2024.

Secara keseluruhan, trend menunjukkan hospital berjaya mengekalkan tahap keakuratan audit pada paras yang hampir optimum sepanjang enam tahun tersebut, dengan pencapaian tertinggi pada 2022 dan pencapaian terendah pada 2023. Rumusan ini membuktikan tahap pemantauan dan pelaksanaan indikator prestasi hospital berada pada tahap yang memuaskan dan stabil, walaupun terdapat sedikit turun naik tahunan.



2024



BAHAGIAN KLINIKAL




UNIT PENYELIAAN

PENGENALAN

Unit Penyeliaan Hospital Kuala Kubu Bharu (HKKB) memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada pesakit. Unit ini bertanggungjawab dalam memantau dan menyelaraskan operasi harian hospital untuk memastikan setiap aktiviti berjalan lancar mengikut prosedur dan standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu, Unit Penyeliaan turut memastikan semua bahagian hospital mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan, meningkatkan mutu perkhidmatan dan kepuasan pesakit, serta menyelesaikan sebarang isu yang timbul dalam operasi hospital.

Unit Penyeliaan bertanggungjawab dalam beberapa aspek penting, termasuk pemantauan kualiti perkhidmatan, pengurusan sumber manusia, kewangan, dan kemudahan perubatan di hospital. Unit ini juga melaksanakan audit dan penilaian untuk mengenal pasti kelemahan dalam sistem dan mencadangkan penambahbaikan. Selain itu, Unit Penyeliaan memastikan keselamatan pesakit terjamin melalui pemantauan terhadap penggunaan ubat dan pencegahan jangkitan. Unit ini juga memberikan latihan berterusan kepada kakitangan hospital dan menguruskan aduan pesakit secara profesional untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan yang disediakan di hospital.

Di bawah Unit Penyeliaan, terdapat 5 perkhidmatan utama yang dipantau; iaitu Unit Kecemasan dan Trauma, Unit Angkut, Unit Pesakit Luar, Unit Hemodialisis dan Unit Forensik.





STATISTIK UNIT DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

**BILANGAN LATIHAN KEBAKARAN YANG TELAH
DIJALANKAN OLEH HOSPITAL DARI TAHUN 2019-2024**


SASARAN: 100%

**A. LATIHAN KEBAKARAN DI PERINGKAT HOSPITAL:
SEKALI SETAHUN**

**B. LATIHAN *TABLETOP EXERCISE* DI PERINGKAT HOSPITAL:
DUA KALI SETAHUN (SEKALI SETIAP 6 BULAN)**




BILANGAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN YANG MENGIKUTI LATIHAN LANJUTAN ATAU POS BASIK DARI TAHUN 2019-2024



PERATUSAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN DENGAN KELAYAKAN POST BASIK ATAU LATIHAN LANJUTAN DITEMPATKAN MENGIKUT BIDANG PENGKHUSUSAN DARI TAHUN 2019-2024

SASARAN: $\geq 80\%$



Berdasarkan analisis pencapaian latihan kebakaran dan latihan lanjutan penolong pegawai perubatan, dapat dilihat bahawa hospital secara konsisten mengekalkan kadar pencapaian 100% bagi latihan kebakaran dan tabletop exercise dari tahun 2019–2024, kecuali terdapat beberapa tahun di mana latihan tidak dapat dilaksanakan. Ketidakpatuhan ini berpunca daripada faktor luar kawalan seperti pandemik COVID-19 yang membataskan pergerakan serta larangan perhimpunan, dan bencana tanah runtuh Genting yang memberi kesan kepada logistik serta keselamatan untuk mengadakan latihan. Walau bagaimanapun, sejak 2023 hingga 2024, latihan dapat dijalankan semula mengikut jadual dan sasaran 100% berjaya dicapai, menandakan keberkesanan pemulihan perancangan latihan selepas krisis.

Bagi latihan lanjutan Penolong Pegawai Perubatan (PPP), jumlah penyertaan dalam bidang kepakaran masih rendah dan bersifat individu (1–2 orang setahun), tetapi peratusan penempatan PPP dengan kelayakan post basik atau latihan lanjutan menunjukkan trend positif, meningkat daripada 80% pada 2019 kepada 91.7% pada 2024. Peningkatan ini mencerminkan keberhasilan hospital dalam memastikan PPP berkemahiran khas ditempatkan di bidang kepakaran masing-masing, sekaligus meningkatkan kualiti perkhidmatan klinikal. memperkukuh pelan kontinjensi supaya latihan kebakaran dapat dilaksanakan secara alternatif walaupun ketika berlaku krisis (contoh: latihan berskala kecil mengikut zon atau simulasi maya semasa pandemik). Bagi PPP, strategi difokuskan pada menambah bilangan anggota dihantar ke latihan lanjutan secara tahunan melalui kerjasama dengan institusi latihan KKM, serta menyediakan pelan pembangunan kerjaya yang lebih tersusun agar semua unit klinikal kritikal mempunyai tenaga mahir mencukupi. Dengan langkah ini, hospital berharap dapat memastikan kesiapsiagaan bencana dan peningkatan kompetensi kakitangan berada pada tahap optimum secara berterusan.

UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA

PENGENALAN

Unit Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Kubu Bharu merupakan pusat perkhidmatan rawatan kecemasan yang beroperasi 24 jam untuk menangani kes kecemasan dan trauma di kawasan sekitar. Unit ini menyediakan rawatan segera kepada pesakit dalam kategori kritikal, semi-kritikal, dan tidak kritikal melalui sistem triage yang berstruktur. Dengan kemudahan moden serta sokongan tenaga kerja yang cekap dan berpengalaman, unit ini berfungsi sebagai komponen penting dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang cepat, berkesan, dan berkualiti tinggi kepada masyarakat.

PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN PERAWATAN KES-KES KECEMASAN

PERKHIDMATAN PRA HOSPITAL


- PENERIMAAN KES PANGGILAN KECEMASAN KLINIKAL 999
- PASUKAN AMBULANS RESPON KES KECEMASAN
- PENGURUSAN BENCANA

PUSAT KHIDMAT KRISIS BERSEPADU


PENGURUSAN KES FORENSIK

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN


JUMLAH KEHADIRAN PESAKIT KE UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA MENGIKUT ZON DARI TAHUN 2019-2024




PESAKIT KATEGORI HIJAU YANG SEHARUSNYA TELAH DITRIAGING SEBAGAI KATEGORI MERAH TAHUN 2019-2024



JUMLAH RUJUKAN KE HOSPITAL LAIN DARI TAHUN 2019-2024




BILANGAN PESAKIT YANG KEMBALI UNTUK ADUAN YANG SAMA DALAM MASA 24 JAM DARI TAHUN 2019-2024 SASARAN: *SENTINEL EVENT*



PENCAPAIAN HPIA/KPI

PERATUS PENCAPAIAN *BED WAITING TIME* ≤ 240 MINIT (4 JAM) BAGI SEMUA HOSPITAL DI NEGERI SELANGOR TAHUN 2022-2024



Berdasarkan analisis data dari tahun 2019 hingga 2024, jumlah kehadiran pesakit ke Unit Kecemasan dan Trauma menunjukkan pola peningkatan yang konsisten selepas tahun 2021, dengan lonjakan tertinggi pada tahun 2023 (76,282 pesakit). Majoriti pesakit berada dalam kategori zon hijau, namun terdapat juga peningkatan pesakit zon merah pada tahun 2024 (6,927 kes) berbanding tahun sebelumnya. Menariknya, tiada kes dilaporkan bagi pesakit kategori hijau yang sepatutnya dikelaskan sebagai zon merah, begitu juga tiada kes sentinel event bagi pesakit yang kembali dalam tempoh 24 jam, menunjukkan keberkesanan sistem triage dan rawatan kecemasan. Walau bagaimanapun, jumlah rujukan ke hospital lain meningkat dari 2,000 kes pada 2019 kepada 2,902 kes pada 2024, yang mencerminkan kekangan kapasiti atau kepakaran di hospital. Dari aspek keberkesanan perkhidmatan, pencapaian *Bed Waiting Time* ≤ 240 minit menunjukkan peningkatan drastik, daripada hanya 47% pada separuh pertama 2022 kepada 100% konsisten sejak 2023, menandakan penambahbaikan yang signifikan dalam pengurusan katil.

Penambahbaikan yang telah diambil termasuk pengukuhan sistem triage dengan pemantauan berterusan bagi mengelakkan salah kategori pesakit, peningkatan koordinasi dengan hospital kluster untuk mengurangkan kelewatan rawatan, serta strategi pengurusan katil yang lebih efisien sehingga mencapai tahap 100% kepatuhan masa menunggu. Selain itu, pemantapan latihan klinikal dan penambahan tenaga kerja di Jabatan Kecemasan turut menyumbang kepada sifar sentinel event. Namun, peningkatan rujukan ke hospital lain menunjukkan keperluan untuk menilai semula kapasiti perkhidmatan, memperkukuh fasiliti, serta menambah kepakaran khusus agar hospital mampu menampung lebih banyak kes tanpa perlu rujukan keluar.

UNIT ANGKUT


PENGENALAN

Unit Angkut Hospital adalah salah satu unit sokongan penting yang bertanggungjawab menguruskan pergerakan pesakit, peralatan perubatan, dan keperluan logistik lain dalam hospital. Unit ini memastikan semua proses pemindahan berlaku dengan selamat, cekap, dan selaras dengan keperluan perubatan serta operasi hospital.


Fokus utama Unit Angkut adalah memastikan keselamatan dan keselesaan pesakit semasa pemindahan, sama ada dalam kawasan hospital atau ke fasiliti kesihatan lain. Selain itu, unit ini juga memainkan peranan kritikal dalam keadaan kecemasan, di mana respons pantas diperlukan.

STATISTIK UNIT DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

**PENGHANTARAN DAN KESEDIAAN AMBULANS UNTUK
RESPONS UTAMA DALAM MASA 5 MINIT
DARI TAHUN 2019-2024
SASARAN: $\geq 90\%$**



PENGUNAAN KENDERAAN HOSPITAL DARI TAHUN 2019-2024



Berdasarkan statistik penghantaran dan kesediaan ambulans untuk respons utama dalam masa 5 minit dari tahun 2019 hingga 2023, pencapaian Unit Kecemasan dan Trauma sentiasa melebihi sasaran $\geq 90\%$, iaitu berada dalam lingkungan 93.15% hingga 94.80%. Walaupun pencapaian ini konsisten dan menunjukkan keberkesanan perkhidmatan, analisis situasi dalaman mendapati beberapa isu kritikal. Jumlah Penolong Pegawai Perubatan (PPP) seramai 18 orang (12 U5, 3 U6 serta 6 kontrak) masih tidak mencukupi bagi menampung tugas shif mengikut Polisi EMTS Hospital Kategori 4. Kekangan ini menyebabkan beberapa tugas seperti assignment Asthma terpaksa dikosongkan, manakala assignment PHC dijalankan secara hybrid bersama Prosedur, yang mengakibatkan kelewatan dalam respons PHC sekiranya PPP terlibat dengan prosedur lain. Walaupun terdapat penambahbaikan pada Februari 2025 dengan memperkenalkan PHC/Secondary triage hybrid serta penugasan khas pemandu di kaunter triage, masih wujud isu ketidakpatuhan pemandu terhadap arahan serta keberadaan mereka yang jauh dari lokasi utama. Selain itu, PPP U6 terpaksa memberi tumpuan sepenuhnya kepada Unit Angkut, sekali gus menjejaskan fungsi penyeliaan di Unit Kecemasan dan Trauma.


Bagi menangani isu-isu ini, dua strategi utama dilaksanakan. Pertama, menangani ketiadaan PPP khas untuk tugas PHC dengan permohonan penambahan jawatan PPP tetap dan PPP PPW di HKKB. Kedua, menyelesaikan isu kekaburan peranan PPP dan pemandu melalui peningkatan kesedaran mengenai kepentingan fungsi masing-masing dalam PHC, melibatkan semua PPP, penyelia, serta pegawai perubatan, dengan melalui memo penambahbaikan prosedur kerja. Secara keseluruhan, prestasi statistik perkhidmatan ambulans kelihatan stabil, namun pelaksanaan pelan tindakan ini adalah kritikal untuk mengurangkan beban multitasking PPP, meningkatkan keberkesanan PHC, serta memastikan pengurusan Unit Kecemasan dan Trauma berjalan lebih efisien dan berkesan.

UNIT PESAKIT LUAR

PENGENALAN

Unit Pesakit Luar adalah salah satu perkhidmatan utama di hospital yang menyediakan rawatan, diagnosis, dan konsultasi tanpa memerlukan pesakit untuk dimasukkan ke wad. Unit ini menjadi pusat pertama bagi pesakit mendapatkan penjagaan kesihatan, sama ada untuk rawatan rutin, susulan selepas pembedahan, atau pengurusan penyakit kronik.

Unit ini mengutamakan kecekapan, keselesaan, dan kemudahan pesakit melalui pendekatan rawatan yang profesional, mesra, dan menyeluruh.



KLINIK PAKAR

PENGENALAN


Klinik Pakar Hospital Kuala Kubu Bharu merupakan sebuah pusat perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, berperanan sebagai tulang belakang kepada rawatan pakar di kawasan Hulu Selangor. Sebagai sebahagian daripada Hospital Kuala Kubu Bharu, klinik ini menyediakan akses kepada pelbagai perkhidmatan kepakaran yang memenuhi keperluan kesihatan komuniti setempat dengan tahap profesionalisme dan kualiti yang tinggi.

Klinik ini disokong oleh tenaga pakar yang berpengalaman, termasuk kerjasama dengan pakar pelawat dari Hospital Selayang. Dengan pendekatan yang berpusatkan pesakit, Klinik Pakar Hospital Kuala Kubu Bharu berusaha untuk memberikan rawatan yang holistik, tepat, dan mesra, sesuai dengan visi hospital untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan.

KLINIK PAKAR			
KLINIK PAKAR PERUBATAN	KLINIK PERUBATAN SUKAN	KLINIK PAKAR PEMBEDAHAN	KLINIK PAKAR PEDIATRIK
KLINIK PAKAR OBSTETRIKS DAN GINEKOLOGI	KLINIK GERIATRIK	KLINIK PAKAR OTOPEDIK	KLINIK PAKAR PSIKIATRI
KLINIK PAKAR OFTALMOLOGI	KLINIK PAKAR PALIATIF	KLINIK PAKAR NEFROLOGI	

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

JUMLAH LAWATAN PESAKIT DI KLINIK PAKAR MENGIKUT DISIPLIN



**PERATUSAN WAKTU MENUNGGU PESAKIT $\leq$ 90 MINIT UNTUK BERJUMPA
DENGAN PEGAWAI PERUBATAN/PAKAR
SASARAN: 90%**



**PERATUSAN PESAKIT MENDAPAT TEMUJANJI PERTAMA DARIPADA
TARIKH DIDAFTRAKAN DALAM TEMPOH 8 MINGGU
SASARAN: 80%**



Berdasarkan data yang ditunjukkan, pencapaian hospital dalam aspek masa menunggu pesakit dan akses kepada temujanji pertama masih berada pada tahap baik. Dari tahun 2019 hingga 2023, peratusan pesakit yang menunggu kurang daripada 90 minit untuk berjumpa pegawai perubatan/pakar kekal pada 100%, walaupun sedikit menurun kepada 91% pada tahun 2024, namun ia masih melepasi sasaran 90%. Begitu juga, peratusan pesakit yang mendapat temujanji pertama dalam tempoh 8 minggu kekal konsisten tinggi melebihi sasaran 80%, dengan peningkatan stabil dari 100% (2019–2022) kepada 92% pada 2024, menandakan keberkesanan dalam sistem pengurusan temujanji.

Dari sudut pencapaian perkhidmatan mengikut disiplin, jumlah lawatan pesakit di klinik pakar menunjukkan pola peningkatan ketara khususnya dalam bidang Ophthalmology dan Psychiatry, dengan Ophthalmology melonjak daripada 114 lawatan (2019) kepada 280 lawatan (2024), manakala Psychiatry meningkat daripada 243 (2019) kepada 390 (2024). Sebaliknya, beberapa disiplin lain seperti Orthopaedics dan ENT kekal stabil atau menurun sedikit, mencerminkan perbezaan permintaan mengikut kepakaran. Peningkatan ketara dalam bidang tertentu boleh dikaitkan dengan faktor beban kes, penambahan kepakaran, serta kesedaran masyarakat terhadap perkhidmatan khusus.


Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa hospital berjaya mengekalkan kualiti akses perkhidmatan asas selaras dengan sasaran KKM, namun perlu memberi perhatian kepada pengurusan kapasiti dalam disiplin yang mengalami lonjakan pesakit agar masa menunggu dan kualiti rawatan tidak terjejas. Penambahbaikan boleh difokuskan pada perancangan sumber manusia, penambahan slot temujanji, serta integrasi sistem digital seperti MPIS bagi menampung permintaan pesakit yang meningkat.

KLINIK TIBI

PENGENALAN


Klinik Tibi Hospital Kuala Kubu Bharu merupakan sebuah pusat rawatan khusus yang berperanan penting dalam pencegahan, diagnosis, dan rawatan penyakit tibi. Statistik menunjukkan bahawa 79% pesakit yang dirawat di klinik ini adalah negatif smear sputum, manakala 21% adalah positif smear sputum pada tahun 2023. Data ini menekankan kepentingan pengesanan awal dan rawatan berterusan untuk mengawal penyebaran penyakit. Terletak di kawasan strategik, klinik ini menyediakan perkhidmatan yang komprehensif kepada pesakit dengan pendekatan berfokuskan penjagaan holistik. Dengan sokongan tenaga kerja profesional dan teknologi terkini, Klinik Tibi memastikan rawatan yang efektif dan mesra pesakit bagi membantu mengurangkan penyebaran penyakit ini di kalangan komuniti.

Selain menawarkan rawatan, Klinik Tibi juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penyakit Tibi melalui program pendidikan dan pencegahan. Klinik ini komited dalam menyediakan khidmat kaunseling, pemantauan berterusan, serta rawatan susulan yang sesuai untuk memastikan pesakit mendapat penjagaan terbaik. Dengan visi untuk membasmi Tibi, Klinik Tibi Hospital Kuala Kubu Bharu terus menjadi pusat rujukan utama di kawasan ini.




STATISTIK KLINIK DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN


BILANGAN KES , KONTAK DAN LATENT TIBI DARI TAHUN 2019-2024



**PERATUSAN PESAKIT TIBI DIBERIKAN TEMUJANJI DALAM MASA
14 HARI SELEPAS DIDAFTRAKAN
DARI TAHUN 2019-2024
SASARAN: 100%**



**KADAR *DEFAULTER* TIBI DARI TAHUN 2019-2024
SASARAN: 0%**



Berdasarkan data yang dipaparkan, jumlah kes Tibi, kontak Tibi dan kes latent Tibi menunjukkan peningkatan konsisten dari tahun 2019 hingga 2024. Kes Tibi meningkat daripada 16 kes (2019) kepada 189 kes (2024), manakala jumlah kontak Tibi melonjak daripada 20 kes (2019) kepada 198 kes (2024). Kes latent Tibi juga menunjukkan peningkatan mendadak, iaitu daripada sifar pada tahun 2019 kepada 77 kes pada tahun 2024. Peningkatan ini mungkin disumbangkan oleh faktor peningkatan pengesanan awal, aktiviti saringan kontak yang lebih meluas serta peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeriksaan Tibi.

Dari sudut keberkesanan pengurusan pesakit, pencapaian dalam memastikan semua pesakit Tibi diberikan temujanji dalam tempoh 14 hari selepas didaftarkan adalah sangat baik, dengan peratusan konsisten 100% sepanjang enam tahun, melepasi sasaran yang ditetapkan. Selain itu, kadar defaulter pesakit Tibi kekal pada 0% sepanjang tempoh 2019–2024, menandakan pematuhan rawatan yang optimum dan sistem pemantauan pesakit yang berkesan.

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat peningkatan beban kes Tibi dan latent Tibi yang memerlukan perancangan sumber yang lebih besar, hospital berjaya mengekalkan tahap pencapaian rawatan, kepatuhan pesakit, dan keberkesanan pengurusan temujanji. Penambahbaikan difokuskan pada strategi pencegahan di peringkat komuniti, termasuk program pendidikan kesihatan, pengesanan awal dalam kumpulan berisiko tinggi, serta pengukuhan kerjasama dengan klinik kesihatan bagi mengawal penularan kes baharu.

KLINIK NCD

PENGENALAN

Klinik Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) di hospital ini adalah klinik yang berfokus kepada pencegahan, pengesanan awal, dan pengurusan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi, penyakit jantung, dan lain-lain. Klinik ini menyediakan perkhidmatan komprehensif yang merangkumi pemeriksaan kesihatan berkala, rawatan susulan, serta nasihat gaya hidup sihat bagi membantu pesakit mengawal keadaan kesihatan mereka dengan lebih baik. Dengan sokongan pasukan kesihatan yang berpengalaman, Klinik NCD berfungsi sebagai hab penting dalam meningkatkan kualiti hidup pesakit yang menghadapi cabaran penyakit kronik.

Sebagai tambahan, Klinik NCD turut memberi penekanan kepada pendidikan kesihatan dengan menawarkan program kesedaran dan kaunseling kepada pesakit serta keluarga mereka. Pendekatan ini bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang pengurusan penyakit, sekali gus menggalakkan pencegahan awal di peringkat komuniti. Melalui usaha berterusan, klinik ini berperanan penting dalam mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit di kalangan masyarakat, sejajar dengan misi hospital untuk meningkatkan kesejahteraan pesakit secara holistik.

PERKHIDMATAN

PROMOSI
KERSIHATAN


PERAWATAN
KES NCD

SARINGAN
GOLONGAN
BERISIKO TINGGI

SARINGAN
KAKITANGAN
HOSPITAL

STATISTIK KLINIK DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

JUMLAH PESAKIT DIABETES DAN HIPERTENSI DARI TAHUN 2019 - 2024



Berdasarkan data jumlah pesakit diabetes dan hipertensi dari tahun 2019 hingga 2024, didapati berlaku turun naik yang ketara sepanjang tempoh lima tahun ini. Pada tahun 2019, jumlah keseluruhan pesakit ialah 8,258 kes (diabetes: 4,676; hipertensi: 3,582) dan meningkat kepada kemuncak 8,545 kes pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, selepas itu jumlah kes menurun secara beransur-ansur dengan pencapaian terendah pada tahun 2023 sebanyak 5,772 kes, sebelum kembali meningkat sedikit kepada 6,550 kes pada tahun 2024. Trend ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat penurunan selepas 2020, bilangan pesakit kekal tinggi dan penyakit tidak berjangkit (NCD) ini masih menjadi beban kesihatan utama.

Dari segi pecahan, pesakit diabetes secara konsisten lebih tinggi berbanding hipertensi, dengan purata sekitar 55–60% daripada keseluruhan kes setiap tahun. Walaupun begitu, jumlah pesakit hipertensi menunjukkan corak yang agak stabil selepas penurunan mendadak pada 2021, mencatatkan 2,863 kes pada tahun 2024. Data ini menggambarkan bahawa usaha pengawalan NCD perlu terus diperkukuhkan, khususnya melalui intervensi gaya hidup sihat, pengesanan awal, serta rawatan berterusan bagi mencegah komplikasi. Secara keseluruhan, meskipun terdapat sedikit penurunan dalam jumlah keseluruhan pesakit selepas 2020, trend semasa masih menuntut pemantauan rapi dan strategi bersepadu untuk mengawal beban diabetes dan hipertensi dalam komuniti.

UNIT KEJURURAWATAN

PENGENALAN

Unit Kejururawatan merupakan nadi utama dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital. Ia terdiri daripada barisan jururawat yang terlatih dan berdedikasi untuk memberikan penjagaan pesakit secara holistik, profesional, dan berkualiti tinggi. Peranan utama Unit Kejururawatan adalah memastikan pesakit menerima penjagaan yang selamat, berkesan, dan berorientasikan keperluan individu.

Jururawat bukan sahaja bertanggungjawab dalam aspek klinikal, tetapi juga memainkan peranan penting sebagai pendidik, penyokong, dan perantara antara pesakit, keluarga, dan pasukan kesihatan

.

PERKHIDMATAN

PESAKIT DALAM


UNIT PESAKIT
DALAM/
MULTIDISIPLIN

UNIT KAWALAN
INFEKSI DAN
CSSU


UNIT
PENGURUSAN
KATIL

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

BILANGAN PENGAMBILAN POS BASIK DARI TAHUN 2019 -2024



BILANGAN KEJADIAN THROMBOPHLEBITIS DI KALANGAN PESAKIT YANG MENJALANI KANULASI INTRAVENA DARI TAHUN 2019-2024



Berdasarkan data bilangan pengambilan pos basik dari tahun 2019 hingga 2024, didapati terdapat ketidakstabilan dalam pengambilan, dengan bilangan tertinggi sebanyak 4 orang pada tahun 2021 dan 2022, manakala tahun 2020 mencatatkan pengambilan terendah iaitu hanya 1 orang. Pada tahun 2024 pula, bilangan menurun kepada 2 orang. Trend ini menunjukkan bahawa pengambilan pos basik masih belum konsisten dari tahun ke tahun, dipengaruhi oleh faktor keperluan perkhidmatan, kekangan sumber manusia, atau dasar pengambilan semasa.

Dalam masa yang sama, data kejadian thrombophlebitis dalam kalangan pesakit yang menjalani kanulasi intravena menunjukkan pencapaian yang positif kerana tiada sebarang kejadian dilaporkan sepanjang tempoh 2019 hingga 2024. Hal ini menggambarkan keberkesanan amalan klinikal dan pematuhan kepada garis panduan prosedur invasif yang diamalkan oleh anggota kesihatan, serta kawalan infeksi yang mantap di hospital.

Secara keseluruhan, walaupun pencapaian sifar kejadian thrombophlebitis adalah satu indikator kejayaan yang baik dalam aspek keselamatan pesakit, isu ketidakstabilan dalam pengambilan pos basik perlu diberi perhatian agar hospital dapat memastikan kelangsungan tenaga kerja berkemahiran tinggi secara lebih konsisten. Perancangan jangka panjang berkaitan latihan dan penempatan sumber manusia adalah penting bagi menyokong keperluan perkhidmatan serta mengekalkan standard kualiti yang dicapai.

UNIT PESAKIT DALAM

PENGENALAN

Unit Pesakit Dalam adalah salah satu unit utama di hospital yang menyediakan perkhidmatan rawatan dan penjagaan kepada pesakit yang memerlukan kemasukan ke wad untuk pemantauan, rawatan intensif, atau prosedur tertentu. Unit ini berfungsi sebagai pusat penjagaan bersepadu yang mengutamakan keselamatan, keselesaan, dan pemulihan pesakit.

Pasukan profesional kesihatan yang terdiri daripada doktor, jururawat, dan pembantu perubatan bekerja secara kolaboratif untuk memastikan rawatan yang diberikan adalah komprehensif dan memenuhi keperluan individu pesakit.


PERKHIDMATAN		
WAD 1	WAD 2	WAD 3
WARD 7	WARD 5	WARD 8

NAMA WAD	BILANGAN KATIL
WAD 1	24
WAD 2	24
WAD 3	18
WAD 5	20


NAMA WAD	BILANGAN KATIL
WAD 7	24
WAD 8	18

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN


JUMLAH KEMASUKAN PESAKIT KE WAD DARI
TAHUN 2019-2024



JUMLAH BED OCCUPANCY RATE (BOR) (%) DARI TAHUN 2019-2024




**JUMLAH AVERAGE LENGTH OF STAY (ALOS) DARI
TAHUN 2019-2024**




PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

JUMLAH DISCAJ DARI SETIAP WAD TAHUN 2024




WARD	2019	2020	2021	2022	2023	2024
ARKED	1428	1095	1026	920	1210	1266
MUTIARA	1227	927	919	854	1016	1365
ZAMRUD	66	89	87	82	75	113
BERLIAN	1487	1161	1011	868	950	1028
NILAM	2513	998	411	930	1262	1746
DELIMA	1146	346	118	237	285	604
JUMLAH DISCAJ	7867	4616	3572	3891	4798	6122

JUMLAH KELAHIRAN BAYI DARI TAHUN 2019–2024



JUMLAH KEMATIAN PESAKIT DARI PESAKIT DALAM DARI TAHUN 2019–2024




UNIT KAWALAN INFEKSI

PENGENALAN

Unit Kawalan Infeksi Hospital bertanggungjawab untuk memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi yang berkesan di seluruh hospital. Dengan fokus utama kepada keselamatan pesakit, kakitangan, dan pelawat, unit ini melaksanakan prosedur standard, pemantauan kesihatan, serta latihan berterusan untuk mengurangkan risiko jangkitan nosokomial. Sepanjang tahun ini, Unit Kawalan Infeksi telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap kebersihan dan keselamatan hospital, serta memperkenalkan teknologi dan amalan terbaik dalam pengurusan infeksi. Kejayaan unit ini adalah hasil kerjasama yang erat antara pelbagai jabatan hospital, yang komited untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan bersih bagi semua yang berada di hospital.


PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

KADAR KEPATUHAN KEBERSIHAN TANGAN DARI TAHUN 2020-2024




UNIT KAWALAN INFEKSI

PERATUSAN JANGKITAN BERKAITAN PENJAGAAN KESIHATAN (HCAI) TAHUN 2021-2024



PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

BILANGAN KERINTANGAN ORGANISMA (RESISTANCE) TERHADAP ANTIBIOTIK DALAM TEMPOH MASA YANG DITETAPKAN BAGI TAHUN 2021-2024



Berdasarkan analisis data pencapaian Unit Kawalan Infeksi Hospital, kadar kepatuhan kebersihan tangan dari tahun 2020 hingga 2024 menunjukkan tahap konsistensi yang agak baik, dengan pencapaian kekal tinggi sekitar 80–90%. Walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun 2024, trend keseluruhan masih menggambarkan kesedaran warga hospital terhadap amalan kebersihan tangan sebagai langkah utama pencegahan jangkitan. Dari sudut jangkitan berkaitan penjagaan kesihatan (HCAI), rekod menunjukkan berlaku peningkatan pada tahun 2023 dengan peratusan tertinggi dicatat, namun kembali menurun pada tahun berikutnya. menandakan intervensi dan langkah kawalan berjaya menstabilkan situasi.

Selain itu, data bilangan kerintangan organisma terhadap antibiotik bagi tempoh 2021–2024 memperlihatkan wujudnya ancaman berterusan daripada organisma seperti MRSA, ESBL-E.coli, CRE dan Acinetobacter baumannii. Walaupun kadar rintangan ini masih rendah (kurang 0.04), kehadirannya perlu diberi perhatian serius kerana berpotensi meningkat jika tidak ditangani melalui pemantauan antibiotik dan pelaksanaan program kawalan infeksi yang ketat.

Penambahbaikan yang telah dibuat termasuk pelaksanaan audit kebersihan tangan secara berkala dengan maklum balas segera kepada staf, peningkatan latihan kesedaran tentang kawalan infeksi, pelaksanaan program antibiotic stewardship untuk mengawal penggunaan antibiotik secara lebih rasional, serta pengukuhan kolaborasi antara unit klinikal dan Unit Kawalan Infeksi bagi meningkatkan keberkesanan intervensi. Selain itu, sistem pemantauan digital dan reminder visual di kawasan klinikal turut diperkenalkan bagi meningkatkan kepatuhan, manakala penglibatan aktif pasukan kawalan infeksi dalam CME serta aktiviti hands-on memberi impak positif terhadap pengurangan HCAI dan pengawalan rintangan antibiotik. Secara keseluruhannya, pencapaian Unit Kawalan Infeksi menunjukkan usaha pencegahan dan kawalan yang berkesan, namun masih memerlukan penambahbaikan berterusan melalui inovasi pemantauan, pengukuhan audit, serta kerjasama lintas disiplin untuk memastikan hospital kekal selamat daripada risiko jangkitan nosokomial.

AKTIVITI

Unit Kawalan Infeksi Hospital telah mengadakan sambutan Hand Hygiene Day yang telah disambut pada 23.7.2024 dan sambutan Minggu Kesedaran Kerintangan Antibiotik (WAAW) 2024 yang telah disambut pada 20.11.2024. Kursus kawalan infeksi pula telah dijalankan pada 20.5.2024 di mana ia bertujuan untuk menerapkan dan memantapkan lagi kawalan jangkitan dalam kalangan warga kerja hospital.



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU 2024



UNIT KLUSTER

PENGENALAN


Unit Kluster Hospital Kuala Kubu Bharu merupakan salah satu komponen utama dalam sistem perkhidmatan kesihatan di daerah Hulu Selangor. Hospital ini berperanan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada komuniti setempat serta kawasan sekitarnya. Sebagai sebuah hospital yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan perubatan, hospital ini komited dalam memberikan rawatan yang cekap dan efektif kepada pesakit dengan menekankan kepentingan keselamatan dan kesejahteraan. Dengan adanya unit kluster ini, Hospital Kuala Kubu Bharu berusaha untuk meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan yang menyeluruh dan memberikan sokongan yang berterusan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.

UNIT PENGURUSAN KATIL

PENGENALAN

Unit Penjagaan Luka (Bed Management Unit) ditubuhkan pada bulan Mac 2021 di Hospital Kuala Kubu Bharu dengan kerjasama daripada Unit Kejururawatan Hospital Kuala Kubu Bharu, Unit Kluster Hospital Selayang dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah kekurangan katil COVID-19 di Selangor dan mengatasi masa menunggu katil yang terlalu lama sehingga menyebabkan tempoh perawatan kritikal pesakit terlepas dan memanjangkan tempoh perawatan pesakit di Hospital Kuala Kubu Bharu dan Hospital Selayang. Unit juga merupakan satu kaizen dalam Lean Nursing Healthcare yang membantu dalam operasi pengurusan katil hospital. Pemantauan dan analisa berkaitan bilangan katil kosong dan operasi pergerakan pesakit dapat diberi tumpuan yang lebih efisien. Fokus ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui pelaksanaan penambahbaikan dapat direalisasikan dengan lebih cekap dan efisien.

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN




UNIT PENJAGAAN LUKA

PENGENALAN

Perkhidmatan penjagaan luka merupakan salah satu komponen penting dalam perkhidmatan sokongan klinikal. Unit penjagaan luka Hospital Kuala Kubu Bharu ditubuhkan pada tahun 2017 mengikut kriteria yang ditulis dalam “Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bil 10 Tahun 2011: Garispanduan pelaksanaan penubuhan pasukan penjagaan luka di Hospital – Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.” Unit penjagaan luka bertanggungjawab menyeragamkan prosedur dan menggalakkan penglibatan pelbagai pihak dengan tujuan mengoptimalkan penjagaan luka dari segi keberhasilan dan kos. Unit penjagaan luka juga bertanggungjawab memberi rawatan penjagaan luka yang efisien, efektif dan selamat kepada pesakit luar dan pesakit dalam wad.

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

JUMLAH PESAKIT PENJAGAAN LUKA 2022-2024



UNIT FORENSIK

PENGENALAN


Unit Forensik di Hospital Kuala Kubu Bharu memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan perubatan forensik yang berkualiti kepada masyarakat di daerah Hulu Selangor. Sebagai sebahagian daripada usaha hospital untuk memastikan kesejahteraan awam, unit ini berperanan dalam pengurusan kes-kes jenazah, pelaksanaan bedah siasat, serta perkhidmatan pendermaan tisu. Dengan mengamalkan prinsip kerja berpasukan dan perkongsian strategik dengan sektor awam, swasta, dan masyarakat, Unit Perubatan Forensik ini berkomitmen untuk memastikan setiap perkhidmatan dilaksanakan dengan cemerlang dan profesional.

Untuk menyokong perkhidmatan ini, unit ini juga menyediakan kemudahan penyimpanan mayat yang lengkap, termasuk 8 peti mayat yang dilengkapi dengan pemantauan suhu secara berterusan bagi memastikan keadaan simpanan mayat yang sesuai. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab untuk mencari waris bagi setiap jenazah, dan sekiranya waris tidak ditemui, pihak hospital akan menghubungi wakil atau pihak imigresen untuk jenazah yang merupakan warga asing. Dalam laporan tahunan ini, kami akan menyoroti kemudahan yang disediakan dan beban kerja di unit ini untuk memenuhi keperluan masyarakat dan memastikan perkhidmatan yang cekap, berkualiti, dan bertanggungjawab.



STATISTIK UNIT DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

JUMLAH PENERIMAAN KES KEMATIAN DARI TAHUN 2019-2024



UNIT HEMODIALISIS

PENGENALAN

Unit Hemodialisis Hospital Kuala Kubu Bharu menyediakan perkhidmatan dialisis berkualiti tinggi bagi pesakit yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang. Rawatan hemodialisis ini dikendalikan dan dipantau oleh Pakar Nefrologi yang melawat dari Hospital Selayang untuk memastikan penjagaan terbaik kepada pesakit. Dengan kemudahan lengkap termasuk 19 mesin dialisis yang canggih, unit ini bertujuan memberikan rawatan yang efektif dan selamat. Hospital Kuala Kubu Bharu komited dalam menyediakan perkhidmatan hemodialisis yang profesional dan mesra, serta memberi sokongan kepada pesakit dalam menjalani rawatan secara berkala untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

PERKHIDMATAN

HEMODIALISIS


KLINIK
NEFROLOGI

PENYELENGGARAAN
MESIN HEMODIALISIS

PENJAGAAN
CATHETER


STATISTIK DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

JUMLAH HEMODIALISIS TAHUN 2019-2024



PENCAPAIAN KPI/HPIA

PENCAPAIAN $KT/V \geq$ BAGI PESAKIT YANG MENERIMA HEMODIALISIS SASARAN: 80%



LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU 2024

Berdasarkan data yang dipaparkan, jumlah hemodialisis di Hospital Kuala Kubu Bharu menunjukkan tren yang agak berubah-ubah dari tahun 2019 hingga 2024, dengan penurunan ketara pada tahun 2022 (7,479 sesi) sebelum kembali meningkat kepada 7,935 sesi pada tahun 2024. Walaupun terdapat turun naik dalam jumlah sesi, pencapaian KPI/HPIA bagi pesakit yang menerima hemodialisis adalah konsisten melebihi sasaran 80%, dengan peratusan sekitar 93–99% setiap tahun. Ini mencerminkan kualiti rawatan yang mantap dan keberkesanan intervensi klinikal dalam memastikan pesakit mencapai sasaran KT/V, walaupun bilangan sesi keseluruhan terkesan oleh faktor-faktor luaran seperti kapasiti fasiliti dan pengurusan kes. Secara keseluruhannya, prestasi unit ini menunjukkan kekuatan dari aspek keberkesanan rawatan, namun masih memerlukan pemantauan berterusan terhadap trend jumlah hemodialisis bagi memastikan kelestarian perkhidmatan.

UNIT PERUBATAN AM

PENGENALAN

Pasukan Perubatan telah ditubuhkan pada 8 Januari 2024 dengan penempatan dua orang Pakar Perubatan dan sepuluh Pegawai Perubatan. Sebagai sebahagian daripada pengukuhan kepakaran, seorang Pegawai Perubatan dihantar ke Hospital Selayang setiap tiga bulan bagi menjalani rotasi dalam disiplin Perubatan Am, Nefrologi dan Hepatologi. Struktur ini membolehkan perkongsian ilmu serta meningkatkan kemahiran klinikal untuk menyokong keberkesanan perkhidmatan di Hospital Kuala Kubu Bharu.

Statistik adalah seperti dalam Unit Pesakit Dalam dan Klinik Pakar. Klinik Pakar Perubatan Am telah ditambah setiap hari Isnin dan Selasa.

UNIT MULTIDISIPLIN

Selepas penubuhan Unit Perubatan Am pada Januari 2024, baki perkhidmatan pool telah distrukturkan semula menjadi Unit Multidisiplin. Unit ini melibatkan pegawai perubatan yang memberi khidmat di Wad 5 (Obstetrik & Ginekologi/Neonatologi), Wad 7 (Pembedahan) dan Wad 8 (Pediatrik). Peranan Unit Multidisiplin adalah untuk menyokong pengurusan pesakit yang mempunyai komorbiditi perubatan di luar wad perubatan am, sekali gus memastikan kesinambungan rawatan pesakit secara menyeluruh merentas disiplin. Pendekatan ini menambah baik koordinasi perawatan, memperkukuh komunikasi antara pasukan klinikal, serta meningkatkan kualiti dan keselamatan penjagaan pesakit.


UNIT BEKALAN STERIL (CSSU)

PENGENALAN


Unit Bekalan Steril (CSSD) merupakan salah satu unit penting dalam sistem penjagaan kesihatan yang bertanggungjawab memastikan penyediaan peralatan perubatan yang steril dan bersih untuk digunakan dalam prosedur perubatan. Unit ini memainkan peranan utama dalam memastikan tahap keselamatan dan kebersihan yang tinggi bagi semua peralatan perubatan, sekaligus mencegah risiko jangkitan silang di kalangan pesakit dan kakitangan perubatan. Dengan menggunakan teknologi moden dan prosedur yang ketat, Unit CSSD memastikan bahawa semua peralatan yang digunakan dalam rawatan atau pembedahan berada dalam keadaan yang selamat, steril, dan siap untuk digunakan mengikut keperluan klinikal.

STATISTIK DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

PERATUS PENOLAKAN SET INSTRUMEN STERIL DARI TAHUN 2019-2024 SASARAN: <5%



KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN DALAMAN DARI TAHUN 2019- 2024 SASARAN: >80%



Unit Bekalan Steril (CSSD) telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dari tahun 2019 hingga 2024 dengan mengekalkan kadar penolakan set instrumen steril di bawah sasaran <5%. Pencapaian ini menekankan kepatuhan ketat unit terhadap standard kualiti, prosedur pensterilan yang cekap, dan pemantauan teliti dalam penyediaan peralatan. Ketidadaan penyimpangan ketara dalam kadar penolakan mencerminkan ketelitian dan keberkesanan CSSD dalam menyokong operasi klinikal tanpa menjejaskan keselamatan pesakit.

Di samping itu, CSSD mencapai kadar kepuasan pelanggan dalaman sebanyak 100% sepanjang lima tahun, jauh melebihi sasaran >80%. Kejayaan ini menunjukkan komitmen unit dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi dan tepat pada masanya kepada pihak berkepentingan dalaman. Dengan adanya kepercayaan dan kerjasama yang erat dengan unit-unit klinikal, CSSD telah mengukuhkan peranannya sebagai sistem sokongan penting dalam hospital, memastikan operasi berjalan lancar dan kecemerlangan perkhidmatan terus terpelihara.




2024



BAHAGIAN SOKONGAN KLINIKAL





UNIT FARMASI

PENGENALAN


Unit Farmasi merupakan salah satu komponen penting dalam perkhidmatan hospital yang bertanggungjawab dalam pengurusan ubat-ubatan dan farmaseutikal untuk memenuhi keperluan pesakit serta menyokong penjagaan kesihatan yang berkualiti. Fungsi utama Unit Farmasi melibatkan penyediaan, pembekalan, pemantauan, dan pendidikan berkaitan ubat-ubatan.

Unit ini berperanan sebagai penyokong utama kepada doktor, jururawat, dan profesional kesihatan lain dalam memastikan rawatan yang diberikan adalah selamat, berkesan, dan berkualiti tinggi.


PERKHIDMATAN		
FARMASI LOGISTIK	FARMASI WAD	PUSAT SUMBER DAN MAKLUMAT UBAT
FARMASI PESAKIT DALAM	FARMASI PESAKIT LUAR	FARMASI PENGELUARAN

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

PERATUSAN KESILAPAN PENDISPENSAN UBAT DARI TAHUN 2019-2024




PERATUSAN PRESKRIPSI UBAT YANG DISEDIAKAN DALAM TEMPOH 30 MINIT BULANAN TAHUN 2024




LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU 2024


PEMBEKALAN UBAT-UBATAN YANG BETUL KE WAD ATAU UNIT BAGI PRESKRIPSI ATAU PESANAN YANG LENGKAP DITERIMA DALAM TEMPOH MASA 2.5 JAM SEMASA WAKTU PEJABAT




PERATUSAN PEMBEKALAN ITEM STANDARD TIDAK MELEBIHI 14 HARI BEKERJA DAN ITEM BUKAN STANDARD TIDAK MELEBIHI 7 HARI BEKERJA SELEPAS PESANAN LENGKAP DITERIMA



JUMLAH PERMOHONAN THERAPEUTIC DRUG MONITORING (TDM) DARI TAHUN 2020-2024





BILANGAN ADVERSE DRUG REACTIONS (ADR) DARI TAHUN 2020-2024





PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

JUMLAH PRESKRIPSI UBAT PENERIMAAN FARMASI PESAKIT DALAM DAN LUAR DARI TAHUN 2020-2024



JUMLAH KAUNSELING PESAKIT OLEH FARMASI PESAKIT DALAM DAN LUAR DARI TAHUN 2020-2023



Berdasarkan analisis pencapaian perkhidmatan farmasi dari tahun 2019 hingga 2024, dapat dirumuskan bahawa tahap kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang konsisten tinggi. Peratusan kesilapan pendispensan ubat direkodkan sifar sepanjang tempoh tersebut, menandakan pematuhan terhadap standard keselamatan ubat yang baik. Bagi perkhidmatan preskripsi ubat pesakit luar, majoriti preskripsi berjaya disiapkan dalam tempoh 30 minit, menunjukkan keberkesanan sistem kerja dan aliran proses farmasi. Pembekalan ubat ke wad atau unit klinikal turut dicapai dalam tempoh piawaian 2.5 jam semasa waktu pejabat, sementara pembekalan item standard dan bukan standard mematuhi garis masa yang ditetapkan iaitu 14 hari dan 7 hari bekerja, mencerminkan kawalan logistik yang teratur.

Walau bagaimanapun, jumlah permohonan Therapeutic Drug Monitoring (TDM) menunjukkan trend penurunan dari 173 permohonan pada tahun 2020 kepada 134 permohonan pada 2024, yang mungkin menandakan keperluan meningkatkan kesedaran dalam kalangan klinikal terhadap kepentingan pemantauan tahap ubat. Sebaliknya, bilangan laporan Adverse Drug Reactions (ADR) menunjukkan penurunan antara tahun 2020–2023 sebelum meningkat semula pada tahun 2024 (60 kes), selari dengan usaha pengukuhan sistem pelaporan dan pengawasan keselamatan ubat. Dari sudut volume, jumlah preskripsi yang diterima Unit Farmasi pesakit dalam dan luar meningkat secara konsisten setiap tahun, menggambarkan peningkatan beban kerja serta keperluan sumber manusia dan sistem sokongan yang lebih mantap. Jumlah sesi kaunseling pesakit oleh farmasi juga meningkat, menegaskan peranan penting farmasi dalam pendidikan pesakit dan sokongan terapi ubat.

Secara keseluruhannya, pencapaian farmasi menunjukkan keberkesanan dalam mengekalkan piawaian keselamatan, keberkesanan aliran kerja, dan kualiti perkhidmatan walaupun terdapat peningkatan jumlah preskripsi. Namun, penurunan permohonan TDM dan fluktuasi laporan ADR perlu diberi perhatian untuk memastikan keseimbangan antara kuantiti perkhidmatan dan kualiti pemantauan keselamatan ubat dapat dikekalkan.

UNIT RADIOLOGI

PENGENALAN

Unit Radiologi adalah salah satu komponen utama dalam perkhidmatan diagnostik yang menyediakan sokongan penting untuk rawatan dan penjagaan pesakit. Dengan menggunakan teknologi moden, unit ini membantu mengenal pasti, mendiagnosis, dan memantau pelbagai kondisi kesihatan melalui pemeriksaan imejan.

Fokus utama Unit Radiologi adalah pada penyediaan perkhidmatan ultrasound dan X-ray, yang merupakan kaedah diagnostik asas, cepat, dan selamat. Perkhidmatan ini diberikan oleh pasukan profesional terlatih, termasuk doktor radiologi dan juruteknik, untuk memastikan hasil yang tepat dan berkualiti tinggi.


PERKHIDMATAN

ULTRASOUND


MOBILE XRAY

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

BILANGAN PEMERIKSAAN RADIOLOGI DARI TAHUN 2019-2024




BILANGAN PEMERIKSAAN ULTRASOUND DARI TAHUN 2019-2024




**PERATUSAN TAFSIRAN TEPAT FILEM SINAR-X OLEH
PEGAWAI PERUBATAN SEPERTI YANG DILAPORKAN OLEH RADIOLOGI
TAHUN 2019-2024**



**PERATUSAN PENOLAKAN / PENGAMBILAN SEMULA
RADIOGRAF BIASA DARI TAHUN 2024**



PERATUSAN RALAT RADIOGRAFI TAHUN 2022-2024



Berdasarkan analisis data radiologi dari tahun 2019 hingga 2024, jumlah pemeriksaan radiologi menunjukkan peningkatan ketara selepas penurunan pada tahun 2021 (13,290), dengan peningkatan berterusan sehingga mencapai 38,038 pemeriksaan pada tahun 2024. Begitu juga dengan pemeriksaan ultrasound yang menunjukkan tren menaik dari 1,049 pada tahun 2019 kepada 2,588 pada tahun 2024, menandakan peningkatan permintaan serta penggunaan perkhidmatan diagnostik. Dari segi kualiti, peratusan tafsiran tepat filem sinar-X oleh pegawai perubatan kekal konsisten pada tahap 100% sepanjang tempoh 2019–2024, mencerminkan kecekapan dan ketepatan interpretasi radiologi. Walau bagaimanapun, kadar penolakan/pengambilan semula radiograf biasa mula dicatatkan pada tahun 2020 dan meningkat sehingga 3.67% pada tahun 2024, manakala peratusan ralat radiografi turut menunjukkan sedikit peningkatan dari 0.0625% (2023) kepada 0.0803% (2024).

Kesimpulannya, walaupun terdapat pencapaian cemerlang dalam aspek ketepatan tafsiran yang kekal 100%, cabaran utama terletak pada peningkatan kadar pengambilan semula radiograf dan sedikit kenaikan dalam ralat radiografi. Hal ini menunjukkan keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek teknikal seperti pengendalian peralatan, kawalan kualiti imej, serta latihan berterusan bagi jururadiografi untuk mengurangkan kadar pengulangan. Langkah penambahbaikan yang boleh diambil termasuk pemantauan audit imej berkala, penggunaan teknologi AI dalam sokongan tafsiran, serta penekanan kepada penyelenggaraan peralatan secara proaktif untuk memastikan mutu imej optimum dan seterusnya mengurangkan kadar kesilapan.

UNIT PATOLOGI DAN TRANSFUSI DARAH

PENGENALAN

Unit Patologi dan Transfusi Darah Hospital memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kualiti perkhidmatan perubatan yang diberikan kepada pesakit. Unit ini bertanggungjawab untuk menjalankan ujian makmal yang tepat dan pantas bagi mendiagnosis pelbagai penyakit serta menyediakan perkhidmatan transfusi darah yang selamat dan berkualiti. Di samping itu, unit ini turut memastikan bahawa darah dan komponen darah yang digunakan dalam rawatan pesakit melalui proses pemilihan, pengumpulan, pengujian, dan pengedaran yang teliti. Dengan kepakaran dan teknologi canggih, Unit Patologi dan Transfusi Darah berperanan dalam meningkatkan keselamatan pesakit serta menyokong proses rawatan dan pemulihan yang lebih berkesan di hospital.

PERKHIDMATAN

PATOLOGI KIMIA

MIKROBIOLOGI


HEMATOLOGI DAN
TRANSFUSI DARAH

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN



KADAR PERMINTAAN BEG DARAH SEGERA DIPENUHI <30 MINIT TAHUN 2024



KADAR PENOLAKAN SPESIMEN TAHUN 2024 SASARAN:<1%



KADAR PERMINTAAN UJIAN SEGERA DIPENUHI >90% TAHUN 2024



AKTIVITI UNIT

Unit Patologi dan Transfusi Darah Hospital telah menjalankan aktiviti pendermaan darah bersama Pusat Darah Negara untuk membantu meningkatkan bekalan darah negara pada 8 Februari 2024 dan 15 Ogos 2024.



Hari Bertemu Pelanggan peringkat hospital telah dijalankan pada 20 Ogos 2024.

Unit Patologi telah mengadakan pemeriksaan kumpulan darah dan pameran berkaitan pengenalan kuman penyebab penyakit Tibi iaitu Mycobacterium Tuberculosis menggunakan mikroskop kepada pelanggan dan kakitangan hospital yang hadir pada program tersebut.



HARI BERSAMA PELANGGAN HOSPITAL KUALA KUBU BHARU

Anjuran Bersama
AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL SESI

20 OGOS 2024
DATARAN PARKIR KERETA
HOSPITAL KUALA KUBU BHARU



PELBAGAI ACARA /AKTIVITI
Acara Senam Robik
Kempen Kibar Jalur Gemilang

KAUNTER TERBUKA BAGI :
Pemeriksaan Pengesanan Awal Kanser Payu Dara
Pemeriksaan Pengesanan Awal Kanser Pangkal Rahim (Ujian Pap Smear)
Pemeriksaan Kesihatan Am
Kaunter Perkhidmatan Kecemasan & Trauma
Kaunter Kenali Ubat Anda
Kempen Jom Derma Organ
Kaunter Kenali Kumpulan Darah Anda
Kaunter Rehabilitasi



UNIT OPTOMETRI

PENGENALAN


Unit Optometri di Hospital Kuala Kubu Bharu merupakan pusat perkhidmatan penjagaan mata yang menawarkan khidmat pemeriksaan, diagnosis, dan pengurusan masalah penglihatan. Unit ini dilengkapi dengan peralatan moden dan dikendalikan oleh optometris yang berpengalaman untuk memastikan kualiti penjagaan terbaik. Antara perkhidmatan yang disediakan termasuk pemeriksaan mata menyeluruh, pengesanan awal penyakit mata seperti glaukoma dan katarak, serta cadangan penggunaan alat bantu penglihatan seperti cermin mata dan kanta lekap.

Selain itu, Unit Optometri turut memberi penekanan kepada pendidikan kesihatan mata bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penjagaan mata. Program seperti pemeriksaan mata berkala dan kempen kesihatan mata dijalankan untuk membantu mencegah komplikasi penglihatan dalam kalangan komuniti. Dengan komitmen terhadap kualiti perkhidmatan, Unit Optometri Hospital Kuala Kubu Bharu terus menjadi pilihan utama bagi individu yang memerlukan penjagaan penglihatan di kawasan ini.


PERKHIDMATAN		
Klinikal Optometri Umum	Klinik Optometri Primer	Penglihatan Binokular & Ortoptik
Penglihatan Terhad	Kanta Lepak	Optometri Pediatrik
Terapi Visual	Saringan Diabetik Retinopati	Penglihatan Warna

STATISTIK UNIT DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

MASA MENUNGGU UNTUK BERJUMPA DENGAN
PEGAWAI OPTOMETRI ≤ 60 MINIT
DARI TAHUN 2020-2024
SASARAN: $\geq 80\%$



**PERATUSAN KES BARU MENCAPAI TAHAP
PENGLIHATAN TERBAIK 6/6 SELEPAS PEMERIKSAAN
REFRAKSI
DARI TAHUN 2019-2024
SASARAN: $\geq 85\%$**



Berdasarkan analisis data perkhidmatan optometri dari tahun 2019 hingga 2024, pencapaian masa menunggu untuk berjumpa dengan pegawai optometri menunjukkan prestasi yang konsisten baik. Majoriti pesakit berjaya dilayan dalam tempoh 0–30 minit, dengan pencapaian 100% sasaran masa menunggu ≤ 60 minit pada setiap tahun. Walaupun terdapat sedikit variasi bilangan kes menunggu 31–60 minit pada tahun 2021 (119 kes) dan 2022 (96 kes), jumlah tersebut terus menurun sehingga hampir sifar pada tahun 2023–2024. Hal ini menunjukkan keberkesanan strategi pengurusan aliran pesakit serta kecekapan kakitangan optometri dalam mengurangkan masa menunggu. Selain itu, dari aspek hasil klinikal, peratusan kes baru yang mencapai tahap penglihatan terbaik 6/6 selepas pemeriksaan refraksi adalah sangat cemerlang iaitu 100% sepanjang 2019 hingga 2024, jauh melebihi sasaran $\geq 85\%$. Pencapaian ini mencerminkan kualiti rawatan yang tinggi serta ketepatan dalam pemeriksaan dan preskripsi optometri.

Secara keseluruhannya, prestasi unit optometri menunjukkan konsistensi dalam mengekalkan standard masa menunggu yang optimum dan keberhasilan rawatan yang tinggi.

UNIT FISIOTERAPI

PENGENALAN


Unit Fisioterapi di Hospital Kuala Kubu Bharu menyediakan perkhidmatan rawatan rehabilitasi yang komprehensif bagi membantu pesakit memulihkan fungsi fizikal dan meningkatkan kualiti hidup. Dengan sokongan pasukan fisioterapis yang berkemahiran tinggi, unit ini menawarkan pelbagai rawatan seperti terapi senaman, teknik mobilisasi, dan elektroterapi yang disesuaikan mengikut keperluan individu. Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu pesakit mengatasi pelbagai masalah seperti kecederaan muskuloskeletal, strok, dan gangguan neuromuskular.

Selain daripada rawatan, Unit Fisioterapi juga memainkan peranan penting dalam memberi pendidikan kepada pesakit mengenai pencegahan kecederaan dan amalan gaya hidup sihat. Program pemulihan pasca-operasi serta latihan fizikal khusus turut disediakan bagi menyokong proses pemulihan yang efektif. Dengan komitmen terhadap penjagaan berkualiti tinggi, Unit Fisioterapi Hospital Kuala Kubu Bharu terus menjadi pusat pilihan bagi mereka yang memerlukan rawatan rehabilitasi di kawasan ini.

PERKHIDMATAN			
MUSKULOSKELETAL	GERIATRIK	NEUROLOGI	OTOPEDIK
KESIHATAN LELAKI DAN WANITA	PEDIATRIK	KARDIOPULMONARI	AMPUTEE
KECEDERAAN SUKAN	VESTIBULAR		


STATISTIK UNIT DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

JUMLAH PESAKIT DARI TAHUN 2019-2024




UNIT FISIOTERAPI

**PERATUS PESAKIT MUSKULOSKELETAL YANG MENCAPAI
PENGURANGAN TAHAP KESAKITAN (VAS) SELEPAS 3 KALI
RAWATAN DALAM TEMPOH 2 BULAN TAHUN 2023
SASARAN: 80% 2019-2024**



**KEKERAPAN KELECURAN YANG BERLAKU SEMASA PEMBERIAN MODALITI
ELEKTOTERAPEUTIK ATAU AGEN TERMA TAHUN 2019-2024
SASARAN: KEJADIAN SENTINEL**



**PERATUSAN RUJUKAN PESAKIT DALAM YANG DILIHAT OLEH AHLI
FISIOTERAPI DALAM TEMPOH 24 JAM
TAHUN 2019-2024
SASARAN: 100%**



Berdasarkan analisis pencapaian Unit Fisioterapi, peratus pesakit muskuloskeletal yang menunjukkan pengurangan tahap kesakitan (VAS) selepas tiga kali rawatan dalam tempoh dua bulan menunjukkan peningkatan positif dari 72.5% pada 2019 kepada 91.5% pada 2024, sekali gus melepasi sasaran 80%. Kejayaan ini mencerminkan keberkesanan intervensi fisioterapi dalam mengurangkan kesakitan pesakit. Selain itu, tiada kejadian sentinel dilaporkan berkaitan kecederaan semasa pemberian modaliti elektroterapeutik atau agen terma, menunjukkan tahap keselamatan rawatan yang tinggi. Dari aspek keberkesanan perkhidmatan, peratusan rujukan pesakit dalam yang dilihat oleh ahli fisioterapi dalam tempoh 24 jam kekal pada tahap 100% sepanjang 2019 hingga 2024, memenuhi sepenuhnya sasaran yang ditetapkan. Secara keseluruhan, pencapaian ini menegaskan komitmen unit terhadap keberkesanan rawatan, keselamatan pesakit, serta pematuhan kepada standard perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

UNIT TERAPI CARA KERJA

PENGENALAN

Perkhidmatan Terapi Cara Kerja merupakan satu bidang rawatan pemulihan dan penjagaan kesihatan yang memfokuskan kepada membantu individu, kumpulan atau populasi (penulisan seterusnya di namakan sebagai klien) daripada segenap lapisan umur melibatkan diri dan melakukan aktiviti kehidupan harian, produktiviti dan masa lapang yang terganggu akibat masalah fizikal, psikologikal atau sosial.

Terapi cara kerja menggunakan pendekatan berpusatkan klien melalui aktiviti yang bertujuan dan bermakna, modifikasi peralatan dan persekitaran, adaptasi perlaksanaan pekerjaan, teknik terapeutik dan modaliti fizikal, pendidikan serta konsultasi bagi mengekalkan, meningkatkan dan/ atau mewujudkan kemahiran dan keupayaan individu tersebut supaya mereka dapat melaksanakan peranan mereka secara optimum dan lebih bermakna dalam persekitaran budaya-sosial mereka. (WFOT, 2018).


UNIT TERAPI CARA KERJA

PERKHIDMATAN			
AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN (ADL)	ALAT BANTUAN DAN MODIFIKASI	PENGUBAHSUAIAN TINGKAH LAKU	KOGNITIF DAN PERSEPSI
<i>COMPRESSION THERAPY</i>	AKTIVITI KREATIF	PERKEMBANGAN KANAK-KANAK	AKTIVITI PENDIDIKAN
TERAPI TANGAN DAN ANGGOTA ATAS	PENGURUSAN KESIHATAN	LAWATAN RUMAH/SEKOLAH/ TEMPAT KERJA DAN KOMUNITI	AKTIVITI LAPANG
ORIENTASI DAN MOBILITI	PENDIDIKAN PESAKIT	AKTIVITI KEFUNGSIAN	TERAPI PERMAINAN
PRA PEMANDUAN DAN PEMANDUAN	REHAT DAN TIDUR	KEFUNGSIAN SENSORI	INTEGRASI SENSORI
PENGLIBATAN SOSIAL	SPLINT DAN ORTHOSIS	KERUSI RODA	TERAPI KERJA

STATISTIK UNIT DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN


PERATUSAN PESAKIT STROK YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DALAM KEBERDIKARIAN AKTIVITI HARIAN (ADL) SELEPAS 3 BULAN INTERVENSI TERAPI CARA KERJA DARI TAHUN 2019-2024

SASARAN: $\geq 75\%$



PERATUSAN PESAKIT DENGAN KECEDERAAN TANGAN DAN ANGGOTA ATAS YANG TELAH MENCAPAI SKOR PENUH DALAM CORAK GENGGMAN DALAM TEMPOH 3 BULAN SELEPAS INTERVENSI TERAPI CARA KERJA DARI TAHUN 2019-2023

SASARAN: $\geq 85\%$




Berdasarkan pencapaian yang ditunjukkan, kedua-dua indikator perkhidmatan terapi cara kerja mencapai tahap yang sangat memuaskan. Peratusan pesakit strok yang menunjukkan peningkatan dalam keberdikarian aktiviti harian (ADL) selepas 3 bulan intervensi mengekalkan kadar 100% sepanjang tahun 2019 hingga 2024, jauh melebihi sasaran 75%. Ini membuktikan keberkesanan intervensi dan kesungguhan pasukan dalam memulihkan fungsi sendiri pesakit. Bagi pesakit dengan kecederaan tangan dan anggota atas, pencapaian skor penuh corak genggam dalam tempoh 3 bulan selepas intervensi juga menunjukkan prestasi konsisten yang tinggi iaitu sekitar 80–90%, hampir menyamai atau melepasi sasaran 85%. Keputusan ini menggambarkan keberkesanan rawatan yang dilaksanakan, di samping menunjukkan komitmen berterusan pasukan terapi cara kerja dalam memastikan pesakit mencapai pemulihan optimum dan kualiti hidup yang lebih baik.

UNIT REKOD PERUBATAN


PENGENALAN

Unit Rekod Perubatan di Hospital Kuala Kubu Bharu merupakan bahagian penting dalam pengurusan maklumat kesihatan pesakit. Unit ini bertanggungjawab untuk menyimpan, mengurus, dan melindungi rekod perubatan dengan teliti, memastikan semua maklumat pesakit tersedia secara tepat dan cepat apabila diperlukan. Proses ini melibatkan penggunaan sistem pengurusan data yang moden bagi menjamin kecekapan serta kerahsiaan maklumat perubatan, selaras dengan standard dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.


Selain itu, Unit Rekod Perubatan turut menyediakan sokongan kepada pihak hospital dalam aspek perancangan dan analisis data kesihatan. Unit ini memainkan peranan penting dalam memastikan semua data berkaitan kesihatan pesakit digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan. Dengan komitmen terhadap pengurusan maklumat yang profesional, Unit Rekod Perubatan Hospital Kuala Kubu Bharu menjadi tulang belakang dalam menyokong operasi klinikal dan pentadbiran hospital.



**PERATUSAN RINGKASAN DISCAJ YANG
DIHANTAR DALAM TEMPOH 72 JAM SELEPAS
PESAKIT DISCAJ DARI TAHUN 2019-2024
SASARAN: 95%**



**PERATUSAN LAPORAN PERUBATAN YANG DISIAPKAN
DALAM TEMPOH 14 HARI DARI TAHUN 2019-2024
SASARAN: 90%**



Berdasarkan data yang ditunjukkan, prestasi hospital bagi kedua-dua indikator kualiti adalah sangat cemerlang dan konsisten. Peratusan ringkasan discaj yang dihantar dalam tempoh 72 jam selepas pesakit discaj dari tahun 2019 hingga 2024 kekal pada tahap 100%, melepasi sasaran 95%. Hal ini mencerminkan keberkesanan sistem dokumentasi serta kecekapan kerjasama antara pasukan klinikal dan pentadbiran. Begitu juga, laporan perubatan yang disiapkan dalam tempoh 14 hari menunjukkan pencapaian konsisten pada kadar 100% sepanjang tempoh yang sama, melebihi sasaran 90%. Kejayaan ini bukan sahaja menonjolkan komitmen hospital terhadap pematuhan piawaian KKM, malah turut membuktikan budaya kerja berdisiplin serta fokus berterusan dalam meningkatkan kualiti penjagaan pesakit.

UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Kerja Sosial Perubatan di Hospital Kuala Kubu Bharu memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan psikososial kepada pesakit dan keluarga mereka. Unit ini membantu menangani cabaran emosi, sosial, dan ekonomi yang dihadapi oleh pesakit akibat penyakit atau rawatan mereka. Antara perkhidmatan utama yang disediakan termasuk kaunseling, bantuan kewangan, rujukan kepada agensi sokongan luar, serta pengurusan kes yang melibatkan isu kebajikan dan perlindungan. Pendekatan holistik ini memastikan pesakit menerima sokongan menyeluruh dalam perjalanan pemulihan mereka.

Selain itu, Unit Kerja Sosial Perubatan juga bekerjasama rapat dengan pasukan perubatan lain untuk merancang dan melaksanakan intervensi yang sesuai berdasarkan keperluan individu. Program kesedaran dan pendidikan komuniti turut dijalankan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang pentingnya sokongan psikososial dalam penjagaan kesihatan. Dengan komitmen terhadap kesejahteraan pesakit, unit ini terus berusaha untuk memperbaiki kualiti hidup pesakit dan membantu mereka menjalani kehidupan dengan lebih baik, meskipun menghadapi cabaran kesihatan.

UNIT KEJURUTERAAN

PENGURUSAN
MAJLIS


PENGURUSAN
PERHUBUNGAN
PELANGGAN

PENGURUSAN
FAIL

PENGURUSAN
MESIN PENYALIN


STATISTIK UNIT DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

BILANGAN RUJUKAN KES KEPADA UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN DARI TAHUN 2020-2024



STATISTIK UNIT DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

BILANGAN KES INTERVENSI DARI TAHUN 2020-2024



Berdasarkan data rujukan kes kepada Unit Kerja Sosial Perubatan dari tahun 2020 hingga 2024, terdapat peningkatan konsisten dalam jumlah rujukan baharu dan rujukan ulangan. Pada tahun 2020 jumlah keseluruhan adalah 128 kes, meningkat kepada 133 pada 2021, sedikit menurun kepada 128 pada 2022, namun kembali meningkat kepada 144 pada 2023 dan mencapai 154 kes pada tahun 2024. Rujukan baharu kekal menjadi majoriti dengan trend menaik, mencerminkan keperluan intervensi sosial yang semakin tinggi selari dengan cabaran sosioekonomi pesakit.

Dari segi bilangan kes intervensi, pola yang ditunjukkan memperlihatkan beberapa kategori kes yang dominan sepanjang tempoh ini. Laporan biopsikososial dan pengesanan waris kekal tinggi setiap tahun, menunjukkan fungsi utama unit dalam dokumentasi serta pengurusan pesakit yang memerlukan pengesahan keluarga. Kes berkaitan penyakit kronik, keganasan rumah tangga, ketagihan alkohol/dadah, serta kes pesakit terdampar juga mencatatkan bilangan signifikan, menandakan cabaran sosial dan kesihatan yang semakin kompleks. Selain itu, terdapat peningkatan yang ketara dalam kes intervensi berbentuk jaringan kerjasama dengan NGO, melambangkan pengukuhan hubungan antara hospital dengan agensi luar bagi memperluas sokongan kepada pesakit.

Secara keseluruhannya, analisis ini menggambarkan peningkatan beban kerja Unit Kerja Sosial Perubatan dengan trend kes yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kategori intervensi yang dominan mencerminkan peranan kritikal unit dalam aspek perlindungan sosial, kesihatan mental, pengurusan penyakit kronik, serta kerjasama rentas sektor. Hal ini menunjukkan bahawa unit bukan sahaja memberi sokongan kepada rawatan klinikal, tetapi turut memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan penjagaan pesakit secara holistik.

UNIT DIETETIK DAN SAJIAN

PENGENALAN

Unit Sajian dan Dietetik Hospital Kuala Kubu Bharu memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan pemakanan dan dietetik yang berkualiti untuk memenuhi keperluan kesihatan pesakit dan kakitangan hospital. Unit ini bertanggungjawab menyediakan makanan yang seimbang dan berkhasiat berdasarkan garis panduan dietetik yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain menyediakan sajian untuk pesakit dalam, unit ini juga menawarkan perkhidmatan kaunseling pemakanan kepada pesakit luar yang memerlukan bimbingan dalam pengurusan pemakanan untuk pelbagai penyakit kronik seperti diabetes, hipertensi, dan obesiti.

Di samping itu, Unit Sajian dan Dietetik berperanan mendidik masyarakat tentang kepentingan amalan pemakanan sihat melalui program kesedaran dan ceramah yang dianjurkan secara berkala. Dengan tenaga kerja yang terlatih, termasuk pakar dietetik dan tukang masak profesional, unit ini memastikan makanan yang disediakan bukan sahaja memenuhi keperluan diet tetapi juga menepati citarasa penerima. Melalui kerjasama erat dengan pasukan perubatan lain, unit ini menyumbang kepada keberkesanan rawatan pesakit, sekaligus meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan yang ditawarkan oleh hospital.


PERKHDIMATAN

KLINIK DIETETIK


PERSAMPELAN
MAKANANPENGURUSAN
FAILPENGURUSAN
MESIN PENYALIN

STATISTIK UNIT DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN DARI TAHUN 2019-2024 SASARAN: >85%




KETEPATAN HIDANGAN MAKANAN DARI TAHUN 2019-2024 SASARAN: 100%




PERATUS KONTAMINASI FIZIKAL YANG MERBAHAYA DALAM MAKANAN DARI TAHUN 2021-2024

SASARAN: 100%




PERATUSAN PESAKIT YANG MENERIMA SEKURANG- KURANGNYA 70% DARIPADA JUMLAH SARANAN TENAGA DALAM TEMPOH 5 HARI SELEPAS PERMULAAN PEMAKANAN ENTERAL DARI TAHUN 2019-2024

SASARAN: $\geq 80\%$



**PERATUSAN PESAKIT DALAM YANG BERJUMPA DENGAN
PEGAWAI DIETETIK DALAM TEMPOH ≤ 24 JAM (SATU HARI
BEKERJA) UNTUK TERAPI PEMAKANAN PERUBATAN
DARI TAHUN 2021-2024
SASARAN: $\geq 90\%$.**



Berdasarkan statistik unit dan pencapaian perkhidmatan dari tahun 2019 hingga 2024, keseluruhan indikator utama menunjukkan prestasi yang konsisten serta melebihi sasaran yang ditetapkan, kecuali pada tahun 2020 di mana kajian tidak dapat dijalankan disebabkan pandemik COVID-19. Kajian kepuasan pelanggan menunjukkan pencapaian melebihi 98% pada semua tahun yang dilaksanakan, melepasi sasaran $>85\%$ dan mencerminkan tahap kepuasan pesakit yang sangat tinggi. Ketepatan hidangan makanan pula mencapai 100% sepanjang tempoh 2019–2024, membuktikan pematuhan penuh terhadap piawaian penyediaan makanan. Bagi indikator pesakit yang menerima sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah saranan tenaga dalam tempoh lima hari selepas permulaan pemakanan enteral, pencapaian adalah konsisten pada tahap 100%, jauh melepasi sasaran $\geq 80\%$. Peratusan pesakit dalam yang berjumpa pegawai dietetik dalam tempoh ≤ 24 jam juga kekal tinggi pada kadar 99–100% dengan sasaran $\geq 90\%$, mencerminkan keberkesanan sistem rujukan dan respons segera. Sementara itu, data peratus kontaminasi fizikal berbahaya dalam makanan dari tahun 2021–2024 tidak menunjukkan insiden yang direkodkan, yang boleh ditafsirkan sebagai pencapaian sifar insiden. Secara keseluruhannya, analisis ini menggambarkan tahap keberkesanan perkhidmatan yang sangat baik dengan pencapaian sasaran yang konsisten, serta penyesuaian operasi yang berkesan walaupun berdepan cabaran pandemik pada tahun 2020.

UNIT KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

PENGENALAN


Unit Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan di Hospital Kuala Kubu Bharu bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat bagi semua kakitangan hospital. Unit ini melaksanakan pelbagai langkah pencegahan dan kawalan untuk mengurangkan risiko kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan. Tugas utama mereka termasuk pemantauan keadaan kesihatan pekerja, mengadakan latihan keselamatan, serta memastikan semua prosedur kerja dijalankan mengikut garis panduan keselamatan yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk melindungi kakitangan daripada sebarang bahaya fizikal, kimia, atau biologi yang mungkin dihadapi semasa bekerja di hospital.

Selain itu, Unit Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan juga berperanan dalam memastikan pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan pekerjaan. Mereka akan menjalankan audit berkala, membuat penilaian risiko, serta menyediakan sokongan perubatan dan psikologi untuk kakitangan yang terdedah kepada tekanan atau masalah kesihatan akibat beban kerja yang tinggi. Dengan adanya unit ini, Hospital Kuala Kubu Bharu dapat mengekalkan tahap keselamatan yang tinggi di tempat kerja, sekaligus meningkatkan kesejahteraan kakitangan dan keberkesanan perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada pesakit.


PERKHIDMATAN			
KLINIK STAF	NADOPOD	SARINGAN KESIHATAN	HIRARC
PENILAIAN TEMPAT KERJA	LATIHAN KESELAMATAN	MEDICAL SURVEILLANCE	PEMERIKSAAN KESIHATAN PRA PENEMPATAN

STATISTIK DAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN


**PERATUSAN ISU YANG DIKENAL PASTI SEMASA AUDIT
ALAM SEKITAR DAN KESELAMATAN DITUTUP ATAU
DIAMBIL TINDAKAN SUSULAN
DARI TAHUN 2019-2024
SASARAN :>50%**




**PERATUSAN LATIHAN DALAMAN DAN LUARAN YANG
DIRANCANG DILAKSANAKAN DAN DIDOKUMENTASIKAN
TERMASUK CADANGAN SERTA AKTIVITI SUSULAN
DARI TAHUN 2019- 2024**




JUMLAH ADUAN KEKERASAN TERHADAP STAF DARI TAHUN 2019-2024




PELAPORAN KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN, DAN PENYAKIT PEKERJAAN (NADOPOD) DARI TAHUN 2019-2024




JUMLAH TUSUKAN JARUM DARI TAHUN 2019-2024



BILANGAN STAF DENGAN TIBI DARI TAHUN 2019-2023



**PERATUSAN PENEMUAN BAHAYA DI TEMPAT KERJA YANG
DIKENAL PASTI DAN DIURUSKAN DARI TAHUN 2019–2023
SASARAN: 100%**



Berdasarkan analisis statistik dan pencapaian perkhidmatan dari tahun 2019 hingga 2024, pencapaian hospital dalam aspek keselamatan pekerjaan dan pengurusan risiko menunjukkan prestasi yang konsisten dan positif. Semua isu yang dikenal pasti semasa audit alam sekitar serta keselamatan berjaya ditutup atau diambil tindakan susulan dengan pencapaian 100%, melebihi sasaran >50%. Begitu juga, latihan dalaman dan luaran yang dirancang telah dilaksanakan sepenuhnya setiap tahun dengan dokumentasi yang lengkap. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam aspek keselamatan staf apabila aduan kekerasan terhadap staf meningkat kepada dua kes pada tahun 2021 dan kekal pada tahap tersebut hingga 2024. Laporan insiden NADOPOD turut mencatatkan peningkatan ketara pada 2024 dengan lima kes berbanding hanya satu hingga dua kes pada tahun-tahun sebelumnya. Insiden tusukan jarum direkodkan sekali pada 2020 dan 2021, manakala kes staf dijangkiti *Tibi* dilaporkan sebanyak satu kes setiap tahun dari 2021 hingga 2023. Walaupun terdapat peningkatan insiden tertentu, pencapaian dalam mengenal pasti dan mengurus bahaya di tempat kerja kekal pada tahap 100%, menunjukkan komitmen hospital terhadap pematuhan piawaian keselamatan pekerjaan serta pelaksanaan langkah mitigasi yang berkesan.

PENGHARGAAN

Hak hospital ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan dalam membantu menerbitkan Laporan Tahunan Hospital 2024. Usaha dan komitmen yang diberikan oleh setiap individu dan unit amat dihargai, terutamanya dalam menyediakan data, maklumat, serta sokongan teknikal yang diperlukan. Kerjasama erat ini bukan sahaja mencerminkan semangat kerja berpasukan yang tinggi, malah memastikan penerbitan laporan ini dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih atas dedikasi anda dalam merealisasikan dokumen penting ini demi manfaat bersama.

